

# Radius CIO

Edisi 2 Bilangan 1/2018

@UTeM



Sesi Perkongsian Ilmu  
"SHARE YOUR WISDOM"

Perpustakaan Laman Hikmah  
sertai KPTN 2018

Laungan  
**'CIO POWER'**  
bergema

**Penerbit Universiti**  
serah tugas kepada  
**UKM**



Anugerah **PERAK**  
milik **PPPK**

**E-buku vs Buku:**  
*Pertembungan dua dunia*

Penubuhan Bahagian

**Percetakan** dan **Penjilidan**

Dari Bumi Kenyalang ke Bumi Hang Tuah  
*kembara ilmu* Penerbit UNIMAS

Buku **UTeM**  
menang **ABN**

**PBAKL**, bukan sekadar

**Pesta Buku**



<b>Penaung</b>	Encik Mohd Isa Mohd Dom
<b>Penasihat</b>	Dr. Abdul Syukor bin Mohamad Jaya Puan Norhazlena binti Sabtu Encik Azman bin Hj Ayup Encik Nurhafidz bin Abdul Sahak
<b>Ketua Editor Bersama</b>	Dr. Ruziah binti Ali Puan Noornahar bte. Hj. Akashah
<b>Editor</b>	Encik Mohd Dzulhisham bin Che Hashim Encik Mohd Hafizuddin bin Yusof
<b>Pembaca Pruf</b>	Puan Siti Zurah binti Mohd Nasir Puan Noraini binti Mohd Noor
<b>Reka Letak &amp; Reka Bentuk</b>	Puan Hanisah binti Hamdzah Encik Khairul Fakhruiradhi bin Borhan
<b>Urus Setia</b>	Puan Jorafiza binti Juki

• Prakata Editor Bersama	2
• Buku UTeM Menang ABN	3
• Anugerah Perak Milik PPPK	3
• Bengkel Repositori Digital UTeM	4
• Bicara Buku Pukau Pengunjung	5
• Perpustakaan Laman Hikmah Sertai KPTN 2018	6
• Karya Kreatif Produk Baharu Terbitan Penerbit Universiti	7
• Laungan "CIO Power" Bergema	8
• Pinjaman Antara Perpustakaan : Perkongsian Sumber Maklumat Perpustakaan	9
• Penerbit Universiti Serah Tugas Kepada UKM	10
• Delegasi Indonesia KYBS Lawat Laman Hikmah	11
• PBAKL, Bukan Sekadar Pesta Buku	12
• LHDN Talk Tingkat Kefahaman Mengenai E-filing	13
• Penerbit Universiti diserbu Pelajar STHAM	14
• Pasar Malam @ Perpustakaan Laman Hikmah	14
• Dari Bumi Kenyalang ke Bumi Hang Tuah Kembara Ilmu Penerbit UNIMAS	15
• Mesyuarat Agung Tahunan LISTAC kali ke-12	15
• Sesi Perkongsian Ilmu "Share Your Wisdom"	16
• Beli Buku Penerbit Universiti Tanpa Tunai	17
• Majlis Pelancaran MYREN-X	18
• Pembangunan RDA di Perpustakaan Laman Hikmah	20
• E-buku VS Buku : Pertembungan Dua Dunia	22
• Peranan Repositori Institusi dan Perpustakaan dalam Meningkatkan Visibiliti Penyelidikan di UTeM	23
• Kepintaran Buatan di Era Revolusi Industri 4.0	25
• Hubungan Kepimpinan & Teknologi Komunikasi Terhadap Perubahan Keorganisasian dalam Kalangan Staf	27
• Kajian Kepuasan Pelanggan Tingkat Kualiti Perkhidmatan	29
• Penubuhan Bahagian Percetakan dan Penjilidan	30
• 'Hadiah Untuk Abah' Perjuangan Keringat & Air Mata	31
• Aku Datang Memenuhi Panggilan MU...	33
• Biasakan Yang Betul Betulkan Yang Biasa	36
• Sekalung Budi	37
• Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017	37

## Prakata Editor Bersama

Assalamualaikum, dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah. Kami di RADIUSCIO@UTeM memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT telah mengizinkan meneruskan usaha dalam menerbitkan RADIUSCIO@UTeM pada tahun 2018 ini. Dengan berkat sokongan padu semua pihak RADIUSCIO@UTeM Edisi 2, Bil. 1/2018 telah dapat dikeluarkan.

Masih mengekalkan Revolusi Industri 4.0 tapi dengan paparan disudut lain iaitu menyentuh hubungkait antara sumber manusia dengan teknologi komunikasi. Fenomena Revolusi Industri 4.0 memerlukan sumber manusia yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan dan pemikiran tinggi dalam aspek teknologi, malahan mempunyai roh dan nurani yang tinggi lagi seimbang untuk menjayakan sesuatu perubahan yang mantap dan relevan. Penggunaan teknologi juga diseimbangkan dengan melestarikan alam sekitar. Sebagai khalifah, kita tidak boleh meningkatkan satu aspek tanpa usaha mengimbangi semua sumber yang ada di alam ini untuk diguna bersama secara berterusan. Disamping itu dipaparkan juga pencapaian dalam menubuhkan UTeM IR - Repositori Institusi dimana

elemen Revolusi Industri 4.0 membolehkan hasil karya penulisan ilmiah dan penyelidik sejak bertahun disimpan dan boleh dirujuk untuk tujuan pengkajian bagi suatu jangka masa yang panjang. Ianya tetap terpelihara keaslian, tanpa menjejaskan ketulenannya.

Kami di RADIUSCIO@UTeM masih terus memperlihatkan berbagai aktiviti dan program dari setiap PTJ di bawah tadbir urus Pejabat CIO dalam usaha memperkasakan kecemerlangan prestasi dan meralisasi misi dan visi UTeM. Kami di RADIUSCIO@UTeM berharap isu yang dipaparkan kali ini dapat membuka minda dan mencambah idea. Setiap kecemerlangan luar biasa memerlukan langkah dan tindakan yang luar biasa. Kecemerlangan dicapai tanpa menidakkan insan yang berihsan. Kami berharap apa yang dipaparkan buat warga UTeM dapat sama-sama dimanfaatkan dan Sepakat Bersama dalam Mendakap Teknologi, Menyingkap Revolusi, Melengkap Insani.

Wassalam.





National Book Awards  
SERBA DINAMIK 2018  
KATEGORI ANUGERAH INDUSTRI

PERKARA	DESKRIPSI
KATEGORI	Buku Umum Teori (Kategori Automotif)
JUDUL	Fugitive Modelling of Braking Noise
ISBN	978-967-0-10000-0
PENYARAH	Muhammad Zahir Hassan
PENERBIT	Universiti Teknikal Malaysia Melaka

# Buku UTeM menang ABN

Oleh : Mohammad Dzulhisham Che Hassim

Buku terbitan Penerbit Universiti sekali lagi diangkat di pentas Anugerah Buku Negara (ABN) bagi menjuarai Kategori Buku Umum Terbaik (Automotif) yang diadakan di ibu negara 1 Mei lalu.

Buku berjudul 'Fugitive Modelling of Braking Noise', karya pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Prof. Madya Dr. Muhammad Zahir Hassan berjaya mendapat kepercayaan panel juri untuk dinobatkan sebagai juara kategori berkenaan.

Tahun lalu, judul Ujana Ilmu Lestari Kejayaan turut diraikan di pentas yang sama dalam kategori Buku Biografi Terbaik (Institusi) dan pada 2016, judul 'Wealth Creation from Commercialisation of R&D Products' juga pernah mengungguli kategori Buku Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Terbaik.

Bagi tahun yang mendatang, Penerbit Universiti bertekad untuk meneruskan usaha cemerlang bagi mengangkat karya ilmiah terbitan universiti di pentas anugerah berprestij sebagai usaha memartabatkan industri perbukuan ilmiah sekali gus mengharumkan nama universiti.

Antara anugerah buku yang saban tahun disertai Penerbit Universiti adalah Anugerah Buku Negara, Anugerah MAPIM-KPT, Anugerah Akademik Universiti dan Anugerah Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA).

## Anugerah PERAK milik PPPK

Disediakan Oleh: Siti Zurah Mohd Nasir

Sekalung tahniah diucapkan kepada Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) kerana telah dianugerahkan Pingat Perak berserta sijil penghargaan di dalam Majlis Penghargaan Anugerah Hijau UTeM Sempena Earth Hour 2018, pada 17 Mac 2018 yang lalu.

Demi menyahut cabaran, PPPK telah mengambil bahagian di dalam program Amalan Hijau Peringkat UTeM, dengan tujuan ingin mendukung hasrat Universiti untuk menjadi sebuah kampus lestari yang terulung. Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Pejabat Kelestarian dan Alam Sekitar (PKA).

Ucapan tahniah juga, harus diberikan kepada Jawatankuasa Pengurusan Tenaga, Jawatankuasa Teknologi Hijau, Jawatankuasa Pengurusan Sisa Pepejal dan semua staf PPPK kerana bersungguh-sungguh di dalam melaksanakan kerja-kerja membuat hebahan, melancarkan kempen kesedaran, menjalankan aktiviti kempen penjimatan air, penyiraman pokok, penjimatan tenaga dan kitar semula ke arah amalan hijau di persekitaran PPPK.



Semoga aktiviti amalan hijau di PPPK ini, dapat dilakukan secara berterusan dan di harap penganugerahan ini juga, dapat meniup semangat semua staf untuk menyokong dan merancang aktiviti-aktiviti yang mengamalkan gaya hidup dan amalan hijau dengan lebih giat lagi.

**K**ehilangan, kesulitan, faktor masa dan kecuaihan merupakan sebahagian kelemahan yang dikenal pasti dalam tatacara pengurusan dan penyimpanan rekod secara konvensional.

## Bengkel Repositori Digital UTeM

Oleh : Mahadir Che Ali

Bertitik tolak atas dasar itu, Perpustakaan Laman Hikmah dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) dan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat merintis kaedah terkini dalam menguruskan arkib menerusi Bengkel Pembangunan Repositori UTeM.



Bengkel yang diadakan pada 14 Februari lalu bertujuan membangunkan repositori digital bagi membolehkan segala hasil penerbitan, metadata, rekod dan bahan di setiap pusat tanggungjawab dapat dimuatnaik dan disimpan dalam satu pangkalan data khusus agar dapat diakses semula dengan lebih mudah, cepat dan tepat.

Bengkel dikendalikan Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Dr. Alwi Mohd Yunus, yang bertindak sebagai penceramah dan fasilitator.

Seramai 32 orang yang terdiri daripada Jawatankuasa Pusat Repositori Digital UTeM dan Jawatankuasa Task Force Repositori Digital UTeM terlibat dalam bengkel berkenaan yang turut dihadiri Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi, Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan Ketua Pegawai Maklumat, Mohd. Isa Mohd. Dom.

Selain meningkatkan kefahaman peserta mengenai kepentingan dan hala tuju Repositori Digital UTeM, bengkel tersebut juga bertujuan membangun serta memurnikan dasar dan garis panduan sebagai sumber rujukan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) apabila sistem berkenaan dilaksanakan kelak.

Pembangunan Repositori Digital UTeM ini melibatkan proses pembangunan platform, pembentukan dasar dan kawalan keseluruhan kemasukan metadata.

Bengkel ini terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi ceramah pengenalan dan sesi kerja berkumpulan dan pembentangan di mana peserta dibahagikan kepada lapan kumpulan utama di dalam komponen cadangan garis panduan yang ingin dibangunkan.

Pada akhir bengkel, beberapa hasil dapatan telah dicadangkan untuk tindakan seterusnya oleh jawatankuasa di antaranya garis panduan yang telah dibentangkan di dalam bengkel ditambah baik dan akan diserahkan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang bagi tujuan semakan sebelum diluluskan.

### Info

- Repositori Digital UTeM membolehkan segala hasil penerbitan, metadata, rekod dan bahan di setiap pusat tanggungjawab dimuatnaik dan disimpan dalam satu pangkalan data khusus.
- Rekod dapat diakses semula oleh pengguna dengan lebih mudah, cepat dan tepat.



# Bicara **BUKU** pukau **PENGUNJUNG**

Oleh : Mohammad Dzulhisham Che Hassim



**B**icara Buku 'Motivasi Penerbitan untuk Pensyarah Muda' yang diadakan di pentas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada 1 Mei lalu telah berjaya mencuri tumpuan pengunjung.

Kehadiran dua sosok figura terkenal dalam bidang penerbitan dan penyelidikan yang membicarakan mengenai buku tulisan mereka itu telah mengubah lanskap ilmiah dunia penerbitan dan penyelidikan kepada suatu proses yang mengujakan para pensyarah.

Program anjuran Penerbit Universiti itu telah membariskan dua panelis iaitu Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Datuk Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd. Nor dan pensyarah Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Mohd. Syuhaimi Ab. Rahman.

Kedua-dua tokoh ini adalah antara tiga penulis yang saling melengkapi naskhah 'Motivasi Penerbitan untuk Pensyarah Muda' terbitan Penerbit Universiti yang di dalamnya terkandung enam bab yang sangat komprehensif.

Dalam sesi bicara buku berkenaan, Mohd. Jailani mengupas mengenai aspek motivasi kepada pensyarah muda bagaimana untuk mengekalkan momentum penulisan sehingga berjaya diterbitkan manakala Mohd. Syuhaimi pula menekankan aspek teknikal dalam penerbitan khususnya penerbitan jurnal.

Gabungan kedua-dua penulis dalam sesi berkenaan yang berlangsung selama kira-kira sejam itu telah berjaya menepati objektifnya yang sekali gus memberikan nilai tambah kepada PBAKL yang bukan sahaja sekadar pesta buku semata-mata.

Mohd. Jailani ketika memberikan kesimpulan sesi bicara buku itu memberitahu sikap tidak putus asa, tabah dan berani adalah antara perkara penting yang perlu dimiliki oleh para pensyarah untuk berjaya dalam bidang penyelidikan dan penerbitan.

# Perpustakaan Laman Hikmah sertai KPTN 2018

oleh Norshahila Che Din & Kamariah Kamis

Negeri Melaka menerusi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dipilih menjadi tuan rumah Majlis Perasmian dan Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) bagi tahun 2018, yang telah diadakan pada 3 dan 4 Februari 2018, di Melaka International Trade Centre (MITC).

Selaku universiti awam teknikal paling berprestij di negara ini, UTeM telah diberi amanah serta mandat oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menganjurkan majlis perasmian serta KPTN 2018.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana KPTN UTeM 2018, Profesor Datuk Ts Dr. Mohd Razali Muhamad berkata KPTN merupakan *Signature Programme* di bawah KPT yang merupakan medan dan ruangan saluran hebahan utama bagi menyebarkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi dalam negara. Ia juga sebagai agenda promosi serta publisiti calon-calon mengenai kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi seluruh negara bagi sesi kemasukan 2018/2019.

Menurut Mohd Razali, beberapa aktiviti lain telah dijalankan sebagai pengisian KPTN 2018 dan antaranya adalah dengan kehadiran ikon belia negara, pengisian UPU secara atas talian, pameran sains dan inovasi, pembiayaan pendidikan menerusi ceramah serta reruai Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Majlis Amanah Rakyat, yayasan, pameran seni dan pemeriksaan kesihatan.

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) juga tidak ketinggalan untuk turut serta di dalam KPTN 2018 kali ini, dengan membuka reruai pameran di Lot 14 yang bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PLH.

Seramai 4 orang petugas PLH iaitu Zulkarnaen Mahat, Mohamad Tarmizi Othman, Kamariah Kamis dan Suzana Lazim telah terlibat dalam membantu PLH menjayakan program yang gilang-gemilang ini.

Karnival ini, turut dikunjungi oleh penduduk-penduduk di negeri Melaka dan negeri-negeri berhampiran yang tidak ingin melepaskan peluang keemasan untuk memperoleh pelbagai maklumat dalam menentukan hala tuju pengajian anak masing-masing.





## PENERBIT UNIVERSITI

Oleh : Fatonah Salehuddin

**K**arya kreatif merupakan salah satu cabang dunia penerbitan yang pada masa ini menjuarai carta pilihan utama pembaca sama ada di dalam mahu pun luar negara.

Ketika ini, banyak rumah-rumah penerbitan mula berani mengorak langkah untuk menerbitkan karya-karya santai sebagai merebut peluang dan mengambil kesempatan terhadap trend pembacaan rakyat di negara ini.

Tidak kurang juga penerbit alternatif atau lebih dikenali dengan penerbit indie yang tumbuh dengan banyaknya semata-mata untuk mengetengahkan konsep karya kreatif melalui perspektif yang berbeza dari arus perdana.

Penerbit Universiti juga tidak terkecuali dalam menempatkan nama dalam kelompok penerbit karya kreatif dan yang pastinya karya kreatif yang bakal dihidangkan kepada pembaca berorientasikan keilmuan yang mungkin menjadi kelebihan dalam persaingan ribuan judul karya kreatif yang ada di pasaran ketika ini.

**Karya Kreatif Penerbit Universiti**

Sebelum ini, penerbitan Bahan Umum hanyalah merangkumi penerbitan bukan komersil seperti Buku Panduan Akademik, Buku Terbitan Khas, Buletin dan Majalah serta apa jua permohonan penerbitan daripada pihak universiti yang bukan bersifat penajaan kewangan.

Namun kini, karya kreatif dimasukkan sebagai salah satu bahan terbitan kepada produk penerbitan bahan umum tetapi penerbitan ini bersifat komersil dan bertujuan untuk penajaan pendapatan Universiti.

**Karya Kreatif merangkumi penerbitan umum kreatif berimpak tinggi seperti:-**

- i. Biografi;
- ii. Memoir;
- iii. Autobiografi; dan
- iv. Penulisan bebas seperti buku panduan, pendidikan, motivasi, novel; penulisan cereka atau fiksi yang gaya penulisan mempunyai mesej, pendidikan atau nilai-nilai murni untuk disampaikan kepada pembaca.

Selain faktor menjana pendapatan universiti, tujuan lain karya kreatif ini diperkenalkan adalah untuk mencungkil bakat penulis daripada kalangan warga universiti yang sekali gus dapat meningkatkan bilangan judul terbitan serta mewujudkan peluang kerjasama dengan penulis luar.

Sehubungan itu, Penerbit Universiti mempelawa warga universiti yang berbakat untuk menonjolkan kebolehan penulisan kreatif untuk diterbitkan dan seperti mana koleksi karya ilmiah, karya kreatif juga akan dipromosikan di dalam dan luar negara.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** **UTeM**

### Berbakat dalam Penulisan? Ingin Karya Anda diterbitkan sebagai Buku?

- Memoir
- Biografi • Autobiografi
- Buku Panduan • Buku Pendidikan
- Buku Motivasi
- Buku Kesenian & Kebudayaan
- Novel & Kumpulan Cerpen (Umum & Kanak-kanak)
- Puisi, Sajak & Pantun

**Syarat-syarat**

1. Manuskrip mestilah KARYA ASAL bukan saduran/ salinan/ terjemahan dan BELUM PERNAH DITERBITKAN serta mempunyai NILAI-NILAI MURNI yang bersifat mendidik serta sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat.
2. Manuskrip mestilah BEBAS daripada unsur-unsur sensitif seperti perkauman, lucah dan politik.
3. Tempoh penilaian oleh Penerbit UTeM adalah dua (2) bulan.

**Format penyediaan manuskrip**

1. Jenis Fon : Times New Roman/ Palatino Linotype
2. Saiz : 12
3. Langkau : 1.5 baris
4. Jumlah Halaman: Minimum 150 muka surat, maksimum 400 muka surat (bersaiz A4)
5. Format Fail : Microsoft Word

**Penghantaran manuskrip**  
 Penerbit UTeM,  
 Aras Bawah, Bangunan Perpustakaan Laman Hikmah,  
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka,  
 Hang Tuah Jaya,  
 76100 Durian Tunggal, Melaka.  
 E-Mel: faradila@utem.edu.my | fatonah@utem.edu.my

**Hantarkan kepada kami maklumat berikut**

1. Sinopsis
2. Salinan manuskrip penuh
3. Maklumat diri seperti:
  - Nama penuh
  - Nama pena
  - Alamat surat-menyurat
  - No. Telefon
  - Alamat e-mel

**Keterangan lanjut hubungi** Puan Faradila Md. Yusof 06-270 1252  
 Puan Fatonah Salehuddin 06-270 1260

# Laungan ‘CIO POWER’

Oleh : Siti Zurah Mohd Nasir bergema

**K**ursus *1 Voice, 1 Spirit, 1 Team* yang pertama kali dianjurkan secara bersama antara Pusat Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) dan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat pada 2 hingga 4 Februari lalu di Seri Menanti Resort, Negeri Sembilan mencapai hasrat dan objektifnya.



Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib dalam ucapan perasmian menyeru setiap peserta memahami sistem pentadbiran organisasi, mengeratkan silaturahim dan mewujudkan semangat kerja berpasukan yang mantap, di samping memupuk hubungan yang lebih kukuh dan kesepaduan dalam kalangan peserta.

Kursus dua hari itu yang dikendalikan oleh fasilitator berpengalaman, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan, Dr. Amir Aris, dilihat berjaya mencetus karakter beraspirasi kepada peserta.

Bermula dengan sesi dari hati ke hati, peserta diberi peluang meluahkan rasa kepada Ketua Pegawai Maklumat, Mohd. Isa Mohd. Dom atas tujuan menasihati, memberi teguran dan menyatakan hasrat untuk dijadikan pegangan selama mereka berkhidmat di organisasi tersebut.

Aktiviti kursus merangkumi sesi ice-breaking, pengurusan kerja berkualiti dan beretika, prinsip kekeluargaan, disiplin kerja dan mendalami iman untuk mencari keberkatan selain pendekatan rohani melalui solat hajat berjemaah.

Antara aktiviti yang menyentuh hati peserta adalah sesi suapan silaturahim ketika jamuan makan tengah hari yang memerlukan para peserta menyuapkan makanan kepada peserta lain yang antara tujuannya adalah untuk mewujudkan keakraban, menyelami perasaan dan berkongsi pandangan dalam pelbagai topik yang dibincangkan dalam setiap sesi kursus.

Tawa, suka dan tidak kurang juga yang hiba sehingga mengalirkan air mata sepanjang berlangsungnya kursus berkenaan dan sebelum kesemua peserta meninggalkan kursus, mereka diraikan umpama ‘pengantin’ dalam sesi terakhir sebagai tanda penghargaan.

Pengalaman selama dua hari itu bukan sahaja telah berjaya menyuntik semangat kerja yang tinggi, membentuk menjadi individu yang bertanggungjawab serta pantang menyerah dan akan menjadi bekalan menempuhi cabaran pada masa hadapan.

“CIO Power” merupakan tagline - kini, esok dan selamanya.





# PINJAMAN *antara* PERPUSTAKAAN:

## Perkongsian Sumber Maklumat Perpustakaan

oleh: Noraini Mohd Noor & Siti Saluwa Jamal

**P**erpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah memainkan peranan penting sebagai sebuah jabatan yang menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Bagi memacu kelangsungan kecemerlangan ilmu di Universiti berada di tahap tertinggi, PLH bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan maklumat yang terbaik dengan mengutamakan kepuasan pelanggan khususnya bagi memenuhi keperluan staf akademik dan mahasiswa.

Pinjaman Antara Perpustakaan, atau nama lainnya Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan oleh PLH bagi membolehkan pengguna meminjam dan mendapatkan bahan-bahan yang tidak terdapat di dalam koleksi PLH. Melalui perkhidmatan ini, pengguna akan dibantu secara lebih cepat dan berkesan dari aspek penyediaan maklumat sama ada dalam format bercetak atau elektronik seperti buku, artikel jurnal atau prosiding. Perkhidmatan ini dikendalikan sepenuhnya oleh Unit Perkhidmatan Pelanggan, Seksyen Rujukan.

Berkonsepkan perkongsian sumber maklumat antara perpustakaan, SPP membolehkan pengguna mengakses kepada kepelbagaian sumber maklumat atau rujukan yang terdapat di perpustakaan lain. Ini secara tidak langsung, menyokong usaha pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan warga universiti berdasarkan sumber rujukan yang sedia ada dalam koleksi perpustakaan serta sumber luar lain yang boleh dikongsi bersama, bertepatan dengan konsep keserakanan dan kesepunyaan yang diterapkan.

Perkhidmatan ini bukan sahaja terbuka kepada warga UTeM, tetapi juga kepada pengguna daripada universiti awam dan universiti swasta yang telah berdaftar atau menandatangani memorandum persefahaman bagi kemudahan memperoleh penerbitan di peringkat kebangsaan dengan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai Penyelaras SPP.



Tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pengguna yang menggunakan perkhidmatan ini. Pembayaran hanya dikenakan sekiranya perpustakaan pembekal mengenakan caj terhadap permintaan untuk mendapatkan salinan bahan tersebut.

Bagi setiap permohonan SPP, pemohon akan mendapat maklum balas sama ada bahan yang diperlukan ada atau tiada dalam koleksi perpustakaan lain dalam tempoh 30 minit hingga 60 minit. Sekiranya bahan dapat dikesan, tempoh pembekalan bahan kepada pemohon akan dibuat secepat mungkin, dan selewat-lewatnya 10 hari bekerja bergantung kepada polisi perpustakaan tersebut.

Kini, seiring dengan peningkatan jumlah permohonan semasa, Unit Perkhidmatan Pelanggan telah menaik taraf cara permohonan bahan SPP dengan menggunakan borang permohonan atas talian yang lebih berkesan. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang atas talian (e-form) melalui pautan <http://bit.ly/2rjanBB> yang terdapat pada portal perpustakaan. Terdahulu, segala permohonan pengguna dikendalikan melalui e-mel rasmi SPP iaitu [spp@utem.edu.my](mailto:spp@utem.edu.my) dan juga melalui borang permohonan SPP yang boleh didapati di portal atau Meja Penasihat Pengguna.

Sehubungan itu, pendekatan baharu secara atas talian ini, diharapkan dapat memudahkan proses permohonan kepada pengguna. Pemohon hanya perlu mengisi maklumat permohonan dengan memberi maklumat yang diperlukan, sekali gus dapat menjimatkan masa.

# Penerbit Universiti

serah tugas kepada

# UKM

Oleh : Mohammad Dzulhisham Che Hassim



Setelah tiga tahun menjalankan tugas dalam memastikan tadbir urus Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) berjalan lancar, Penerbit Universiti akhirnya menyerahkan tanggungjawab sebagai urus setia kepada Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tanggal 5 Jun 2018 menjadi detik bersejarah yang menyaksikan serah terima tugas urus setia MAPIM secara rasminya kepada Penerbit UKM berikutan keputusan Mesyuarat Lembaga MAPIM yang diadakan pada 28 Mac 2018.

Mesyuarat tersebut sebulat suara menerima usul pelantikan baharu Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana MAPIM yang sebelum ini disandang oleh mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd. Nor.

Pelantikan baharu tersebut sekali gus menamatkan tugas Penerbit Universiti sebagai urus setia MAPIM dan mesyuarat bersetuju melantik Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UKM, Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana MAPIM yang baharu dan tugas urus setia diambil alih oleh Penerbit UKM.



# Delegasi Indonesia KYSB lawat Laman Hikmah

Oleh: Azman Hj. Ayup



**P**erpustakaan Laman Hikmah sekali lagi menerima kunjungan daripada rakan kolaborasi Kolej Yayasan Saad Business School (KYSB) iaitu dari Institusi LP3i, Indonesia pada 5 Februari lalu.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi ilmu dengan delegasi berkenaan mengenai perkhidmatan maklumat yang tersedia untuk para pelajar KYSB yang telah mendaftar sebagai ahli luar Perpustakaan Laman Hikmah.

Seramai tiga orang staf yang terdiri daripada rakan kolaborasi dari LP3i, Indonesia termasuk Ketua Cawangan LP3i dan lima orang pegawai KYSB yang telah hadir dalam sesi lawatan ini.

Delegasi lawatan telah disambut oleh Ketua Pegawai Maklumat, Mohd Isa Mohd Dom, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Azman Hj. Ayup serta dua orang Timbalan Ketua Pustakawan dan dua orang Pustakawan Kanan.

Sebaik tiba di Ruang Legar Perpustakaan Laman Hikmah, para delegasi dibawa melawat perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di setiap aras Perpustakaan Laman Hikmah.

Para delegasi kemudiannya diberikan taklimat perpustakaan oleh Timbalan Ketua Pustakawan Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Siti Saluwa Jamal bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Perpustakaan.

Semoga perkongsian ilmu ini memberi banyak manfaat kepada kedua-dua belah pihak khususnya Perpustakaan Laman Hikmah dalam menyediakan perkhidmatan perpustakaan terbaik buat pengguna perpustakaan.

## Pesta Buku

Oleh : Mohammad Dzulhisham Che Hassim

Saban tahun Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pasti mengisi kalender aktiviti Penerbit Universiti yang dilihat sebagai pentas terbaik dalam mempromosikan buku terbitan universiti selain menjana pendapatan melalui hasil jualan buku.

Biarpun kehadiran Penerbit Universiti di pesta buku terbesar Asia Tenggara itu tampak kecil dan kadang-kala tenggelam di sebalik penerbit tersohor tanah air dan antarabangsa, namun ianya tidak pernah mematahkan semangat Penerbit Universiti untuk terus bersaing sehingga ke hari terakhir.

Tanggal 26 April 2018, gendang perang PBAKL 2018 mula dipalu menandakan ianya dibuka secara rasmi kepada orang ramai selama sepuluh hari dan dalam tempoh itu juga petugas Penerbit Universiti sedia bertarung untuk memenangi hati pelanggan dan penganjur buku.

Bertugas 12 jam sehari selama sepuluh hari bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan apatah lagi masa untuk duduk hanya pada waktu makan dan solat tetapi seolah-olah tidak terasa kesengsaraan itu apabila melihat rak Penerbit Universiti yang berada di reruai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia bersama penerbit universiti awam yang lain tidak putus menerima kunjungan pelanggan dan penganjur buku sehingga dirasakan jarum jam berdetik begitu lalu sekali.

Berada dalam kesibukan dan kemeriahan 750 reruai penerbit tempatan dan asing di PBAKL begitu mengujakan petugas Penerbit Universiti dan penyertaan kali ini sedikit berbeza dari tahun sebelumnya apabila elemen bicara buku, mini pelancaran buku dan sesi bersama penulis diketengahkan sebagai usaha mengangkat nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di pentas dunia perbukuan.

Berpisah sementara dengan ahli keluarga juga menjadi mainan emosi sepanjang bertugas namun berbekalkan misi untuk belajar, menimba ilmu dan memperkukuhkan jaringan pemasaran Penerbit Universiti, para petugas terpaksa menghadapinya.

Menyingkap sejarah PBAKL, pesta buku peringkat antarabangsa pertama yang diadakan di Kuala Lumpur adalah pada tahun 1972 yang pada masa itu dikenali sebagai *International Exhibition of Book Trade and Industry* dan kemudiannya melalui beberapa proses transformasi dan penambahbaikan



sehinggalah menjadi acara tahunan berprestij di Malaysia. Negara yang pernah terlibat semasa PBAKL: Brunei, Syria, Arab Saudi, Kuwait, Mesir, Indonesia, India, Singapura, Lebanon, Iran dan United Kingdom.

Tahun	Bilangan pengunjung
2017	1.8 juta
2016	2.2 juta
2015	2.5 juta
2014	2.2 juta
2013	2 juta

Selain Bahagian Jualan dan Pemasaran, Bahagian Editorial turut terlibat dalam program *Kuala Lumpur Trade and Convention Centre (KLCC)* yang merupakan acara sampingan sempena berlangsungnya PBAKL. Suasana dan persekitarannya berbeza dengan PBAKL walau berada bawah satu bumbung kerana KLCC menggariskan objektif mewujudkan jaringan kerjasama penerbitan dengan penerbit antarabangsa dan bukan jualan buku.

Program yang berlangsung selama empat hari itu telah berjaya meletakkan nama Penerbit Universiti dalam kalangan penerbit luar negara yang sekali gus telah mengangkat nama UTeM di persada antarabangsa.

Menggalas kepercayaan yang diberikan pengurusan universiti kepada Penerbit Universiti, tanggungjawab selama sepuluh hari berjaya disempurnakan dan yang lebih mengujakan apabila buku terbitan Penerbit Universiti berjaya tersenarai dalam kelompok 50 tajuk terlaris di pesta buku berkenaan.



# LHDN Talk tingkat kefahaman mengenai **e-filing**

Oleh : Norshahila Che Din



Teknologi digital dan aplikasi atas talian merupakan kaedah yang digunakan secara meluas pada masa ini bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat, menjimatkan masa serta mengurangkan risiko kecuaiian.

Aspek percukaian negara juga tidak terkecuali dalam menetengahkan penggunaan teknologi untuk kutipan cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui penggunaan *e-filing*.

Dalam usaha meningkat kefahaman warga kampus mengenai penggunaan aplikasi berkenaan, Perpustakaan Laman Hikmah dengan kerjasama LHDN Melaka telah menganjurkan *LHDNM Talk @ Library* di Perpustakaan Laman Hikmah pada 3 April lalu.

Aktiviti anjuran Unit Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Rujukan ini dihadiri oleh staf dan pelajar UTeM.

Antara tujuan program tersebut adalah bertujuan memupuk kesedaran dan memberi pendedahan maklumat berkaitan *e-filing* kepada warga UTeM khususnya staf dan pelajar selain menjalin kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi kerajaan.

Selain sesi ceramah, turut diadakan semasa program tersebut adalah pameran dan demonstrasi tatacara penggunaan *e-filing* yang merupakan satu perkhidmatan atau kaedah pengisian dan penghantaran borang cukai pendapatan secara elektronik.

Pihak LHDNM turut memberi tunjuk ajar secara terus bagaimana untuk menguruskan *e-filing* dan menyediakan panduan ringkas kepada pengguna bagaimana hendak mengisi, menghantar borang serta kaedah pembayaran menggunakan sistem itu.

## INFO

- *e-filing* yang merupakan satu perkhidmatan atau kaedah pengisian dan penghantaran borang cukai pendapatan secara elektronik.
- Tanpa nombor siri, nombor pin dan katalaluan, seseorang itu tidak boleh akses ke akaun percukaianya.
- Aplikasi ini dikawal dengan ciri-ciri keselamatan untuk memastikan kerahsiaan, pengesahan dan integriti data setiap pembayar cukai.
- Pengguna tidak perlu risau dengan kesilapan semasa kemasukan data kerana kaedah *e-filing* lebih tepat berbanding kaedah manual.
- Kegagalan melaksanakan pembayaran boleh dikenakan penalti dan disenarai hitam untuk mendapatkan pinjaman.

# Penerbit Universiti diserbu Pelajar STHAM

Oleh : Bob Faizeli Mohamed Din



1 5 Mei 2018, menyaksikan kedatangan pelajar Sekolah Menengah Tun Haji Abdul Malek (STHAM) ke Penerbit Universiti, salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam usaha untuk meningkatkan hubungan antara Universiti dengan komuniti. Program tersebut memperlihatkan pelajar STHAM mendapat pendedahan dalam bidang reka bentuk kreatif oleh staf Penerbit Universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.

Menurut Pengarah Penerbit Universiti, Nurhafidz Abdul Sahak ketika ditemui berkata, program julung kali diadakan itu bertujuan untuk memberi galakan kepada golongan muda untuk mengetahui dan menceburi bidang industri kreatif yang mempunyai pasaran kerja meluas di negara ini. Jelasnya, program CSR seperti ini akan diteruskan dari masa ke semasa bersesuaian dengan fungsi universiti dalam menyokong pembangunan komuniti khususnya di negeri Melaka.

Pelajar-pelajar yang mengikuti program tersebut telah didedahkan mengenai penggunaan perisian reka bentuk kreatif yang digunakan dalam industri serta mengembangkan idea mereka dalam menghasilkan penerbitan seperti majalah sekolah, poster serta pelbagai hasil kreatif lain.

Selain bimbingan reka bentuk kreatif, peserta juga berpeluang melihat kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Laman Hikmah serta penerangan mengenai peluang melanjutkan pengajian di universiti teknikal pertama di Malaysia – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).



Setiap hari Jumaat, bermula dari jam 3.00 petang hingga 10 malam, pastinya hari yang ditunggu-tunggu oleh warga UTeM untuk singgah santai di perkarangan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) bagi membeli pelbagai juadah daripada peniaga-peniaga pasar malam.

Penganjuran pasar malam ini bertitik tolak daripada penganjuran Busker@UTeM pada 27 Oktober 2017 lalu, bagi mempelbagaikan aktiviti di PLH serta membuka peluang dan ruang kepada pelajar dan staf UTeM yang berminat untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan.

Pasar malam yang dikelola sepenuhnya oleh staf PLH ini, turut menyediakan pelbagai jenis juadah yang

AL MALAYSIA MELAKA

## Pasar Malam @ Perpustakaan Laman Hikmah

oleh Mohd Ikbar Abdul Jabbar

menyelerakan di samping harga yang ditawarkan pada harga mampu beli seperti nasi kerabu, nasi dagang, char kuetiau, nasi kukus ayam berempah, kuih muih, pelbagai jenis minuman dan lain-lain lagi bagi memenuhi keperluan pelajar khususnya yang berada di PLH. Selain daripada itu, hiburan santai dan aktiviti pelajar seperti persembahan buskers, karaoke dan pengucapan awam oleh pelajar dan staf turut diadakan sebagai platform pengembangan bakat.

Sesungguhnya dengan kewujudan pasar malam ini, sudah pasti ia menjadi satu lagi tarikan pengunjung ke PLH, selain pengguna dapat beriadah dengan aktiviti-aktiviti yang disediakan, mereka juga dapat menggunakan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di PLH.





## Dari Bumi Kenyalang ke Bumi Hang Tuah

### *kembara ilmu* Penerbit UNIMAS

Oleh: Mohd. Hafizuddin Yusof

21 Mac 2018, tarikh keramat meyakinkan pertemuan delegasi dari Bumi Kenyalang ke Bumi Hang Tuah. Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima delegasi dari Penerbit UNIMAS, disertai seramai 10 orang staf terdiri daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), YBhg. Profesor Dr. Kopli Bujang, Pengarah Penerbit UNIMAS, Profesor Madya Dr. Jane Labadin, penyarah, pegawai penerbitan dan pereka.

Delegasi disambut meriah oleh Ketua Pegawai Maklumat (CIO), Mohd Isa Mohd Dom, Pengarah Penerbit Universiti, Nurhafidz bin Abdul Sahak, Timbalan Pengarah Penerbit Universiti, Aziza Md Buang dan staf-staf Penerbit Universiti.

Kembara ilmu sehari ini, menyatukan dua jabatan untuk berkongsi pengalaman dan pembangunan proses kerja percetakan di Penerbit Universiti. Delegasi turut dibawa melihat sendiri dengan lebih dekat lagi mesin-mesin percetakan yang terdapat di Penerbit Universiti. Disamping itu sesi bual bicara diadakan bagi kedua-dua belah pihak untuk saling berkongsi dan bertukar-tukar idea di dalam



bidang editorial, pemasaran dan penjualan produk, penawaran perkhidmatan penerbitan dan perekaan grafik.

Semoga kembara ilmu seperti ini, dapat merapatkan ukhuwah dan jalinan kerjasama antara Penerbit Universiti dengan Penerbit UNIMAS, serta dapat menjana idea baharu dalam meningkatkan mutu penyampaian dan perkhidmatan di penerbit masing-masing.

## Mesyuarat Agung Tahunan LISTAC Kali Ke-12

oleh Norazizah Md Tahir



Kelab Staf Perpustakaan atau singkatannya LISTAC telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-12, pada 6 April 2018, di Bilik Tayangan, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH).

Pemilihan kali ini telah dijalankan secara e-voting, di mana ahli-ahli LISTAC perlu memilih 11 orang ahli jawatankuasa baharu secara atas talian. Empat jawatan tertinggi iaitu Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dipilih dalam kalangan 11 orang ahli jawatankuasa yang terpilih secara pembuangan undi ketika sesi pendaftaran kehadiran Mesyuarat Agung tersebut.



Mohd Ikbar Abdul Jabbar telah dipilih sebagai Pengerusi baharu LISTAC, menggantikan Nor Ilyah Othman manakala Muhammed Rashid Mat Derus sebagai Naib Pengerusi. Jawatan Setiausaha pula disandang oleh Harulrizam Mohamed@Ghazali manakala Mahadir Che Ali dipilih sebagai Bendahari.

LISTAC yang ditubuhkan pada Ogos 2002, berperanan menjaga kebajikan ahli dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti hari keluarga, aktiviti kerohanian dan sumbangan kepada ahli seperti perkahwinan, kelahiran, masuk wad, kematian, perpisahan dan kegiatan sukan.

Mohd Isa Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat UTeM yang hadir dalam mesyuarat agung tersebut, telah menyampaikan ucapan kepada semua ahli LISTAC agar kekal aktif dalam menjaga kebajikan ahli di samping menyemak semula kadar yuran sedia ada bagi membolehkan lebih banyak aktiviti dapat diadakan bersama ahli.

# Sesi Perkongsian Ilmu “SHARE YOUR WISDOM”

oleh Arjunaidy Demek



2 Februari, 2018 – Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) meneruskan program dalam memperkasa dan memantapkan lagi ilmu, pengetahuan dan kemahiran staf PLH menerusi program Sesi Perkongsian Ilmu “Share Your Wisdom”. Ianya menampilkan 7 orang staf PLH dalam menyampaikan ilmu pengetahuan/maklumat yang diperoleh semasa menghadiri latihan/kursus ataupun bengkel dan disampaikan kepada staf PLH yang lain.

Pembentangan pertama bertajuk “Workshop On Using An Integrated Library Management System – KOHA” oleh Mohd Iqbar Abdul Jabbar, Penolong Jurutera dari Seksyen Automasi, PLH yang berkongsi maklumat tentang ciri-ciri perisian KOHA dalam pembangunan sistem perpustakaan bersepadu oleh sesetengah perpustakaan di Malaysia.

Pembentangan kedua, hasil mengikuti Bengkel Keserakanan dan Kesepunyaan Bidang Data dan Maklumat, oleh Azman Hj. Ayup Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, PLH dan Siti Saluwa Jamal, Timbalan Ketua Pustakawan, PLH. Disampaikan cetusan daripada Menteri Pendidikan Tinggi agar setiap universiti berusaha menjayakan pendidikan secara fleksibel dan berdaya saing di peringkat global dengan mengadakan kerjasama dalam bidang penyelidikan secara bersama dalam pengoptimuman sumber dan penjimatan kos.

Pembentangan ketiga oleh Mohd Mawardi Badruddin, Pustakawan Kanan, PLH berkaitan Seminar Kepustakawanan 2017 yang telah diadakan di UNIMAS, Sarawak dan Norshahila Che Din, Pustakawan, PLH berkongsi ilmu tentang *International Conference On Libraries (ICOL 2017): Towards Lean Libraries* yang telah diadakan pada Ogos 2017 di Pulau Pinang.

Sesi terakhir adalah pembentangan dari Harulrizam Mohamed@Ghazali, Pustakawan Kanan, PLH dan Mez Zelina Yusof, Pustakawan, PLH, yang berkongsi maklumat tentang *Workshop Resource Description And Acces For Organizing Information Resources In Library* atau singkatannya RDA.

Dengan adanya program Sesi Perkongsian Ilmu ini diharapkan ianya dapat menambahkan lagi pengetahuan dan memberi manfaat kepada semua staf PLH dalam menjalani tugas seharian dan seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap dan prestasi perkhidmatan PLH kepada pengguna.





# Beli buku PENERBIT UNIVERSITI tanpa tunai

Oleh : Mohammad Dzulhisham Che Hassim

Selaras dengan inisiatif Kampus Tanpa Tunai yang merupakan salah satu elemen sebuah kampus pintar, Penerbit Universiti tidak melepaskan peluang bagi menyambut penuh usaha itu dengan memperkenalkan urus niaga tanpa tunai bagi semua produk terbitannya.

Usaha itu dilihat dapat meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan, mengurangkan risiko kesilapan manusia dalam pengendalian terimaan tunai terutamanya yang melibatkan jumlah yang besar dan terjamin dalam aspek keselamatan.

Selain itu, urus niaga tanpa tunai ini juga akan memberikan kemudahan kepada para pelanggan khususnya pelajar dan pensyarah untuk membeli buku terbitan Penerbit Universiti tanpa perlu ke bank atau mesin ATM.

Menggunakan terminal mudah alih yang dibekalkan kepada Penerbit Universiti, urus niaga menggunakan kad debit dan kredit dapat dilakukan di mana sahaja tanpa perlu lagi menghiraukan mengenai keselamatan wang tunai.

Urus niaga tanpa tunai ini merupakan lembaran baharu bagi Penerbit Universiti ke arah memperkasakan urus tadbir kewangan yang lebih efisien dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi terkini selari dengan identiti universiti sebagai sebuah universiti teknikal terkemuka.

Konsep kampus tanpa tunai yang dilaksanakan di universiti buat masa ini adalah hasil kerjasama pihak universiti dengan Bank Islam Malaysia Berhad bagi menggalakkan pelajar dan staf berbelanja tanpa tunai menggunakan Kad Unidebit Bank Islam yang menjadi kad identiti warga kampus.

Ketika ini, terminal bayaran telah diletakkan di beberapa lokasi di dalam kampus antaranya kafe kolej kediaman, Perpustakaan Laman Hikmah, kaunter-kaunter terimaan bayaran dan Koperasi UTeM.



Majlis Pelancaran  
Inisiatif  
& Kampus Pintar

# Majlis Pelancaran **MYREN-X** Inisiatif & Kampus Pintar UTeM

12  
20  
Isnin | 3.00

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA



USTAKA  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA

caran  
atif  
amp  
Dis  
YB DATO' S  
Menter





# MYREN-X pus Pintar UTeM

empurnakan oleh:  
SERI IDRIS BIN JUSOH  
i Pendidikan Tinggi

MYREN-X BANK ISLAM TM HBAR celcom

Pelancaran MYREN-X  
12 Mac 2018  
Isnin | 3.00 petang  
Disempurnakan oleh: SRI IDRIS BIN JUSOH  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



# Pembangunan RDA di PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

oleh Harulrizam Mohamed@Ghazali dan Hasliza Mohamed



**P**embangunan Resource Description and Access (RDA), adalah standard pengkatalogan baru menggantikan Anglo-American Cataloging Rules (AACR2) di Perpustakaan Laman Hikmah (PLH). Standard Pengkatalogan RDA merupakan standard baru pendokumentasian yang memenuhi keperluan dan kesesuaian persekitaran dunia digital dan teknologi masa kini serta berfokuskan kepada pemaparan rekod bibliografi yang lebih mesra pengguna.

Bermula pada tahun 2014, apabila beberapa orang Pustakawan dihantar menghadiri bengkel dan seminar RDA anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Ia sebagai input awal dalam memastikan pelaksanaan RDA di PLH menjadi realiti.

16-18 Mei 2016, Bengkel Pengkatalogan RDA telah dianjurkan oleh PLH dengan kerjasama SIG Pengkatalogan dan Metadata PERPUN bertempat di Bilik Pangkalan Data, PLH. Penceramah bengkel ialah Prof. Madya Hamidah Abdul Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM dan telah dihadiri seramai dua puluh enam (26) peserta terdiri daripada Pustakawan Universiti Awam dan Universiti Swasta. Pelaksanaan bengkel ini menjadi titik tolak ke arah gerak kerja intensif pembangunan RDA di PLH. Bermula 20 Mei 2016, satu

jawatankuasa peringkat dalaman telah diwujudkan melibatkan enam (6) orang Pustakawan dan empat (4) orang staf sokongan di Bahagian Perolehan, Pengindeksan dan Automasi, PLH dengan misi membangunkan polisi dan manual pengkatalogan RDA serta memastikan ketersediaan Sistem ILMU dalam menyokong pelaksanaan RDA sehingga ianya direalisasikan. Bermula dengan penyediaan polisi pengkatalogan RDA, manual tag RDA mengikut jenis bahan diwujudkan yang berfokus kepada empat (4) kategori iaitu monograf, media, *online resources* dan bahan kartografik. *RDA Toolkit* juga turut dilanggan bagi memudahkan rujukan dalam pembangunan RDA.

Tindakan seterusnya adalah berhubung dengan Paradigm Sdn. Bhd. pembekal Sistem ILMU bagi membuat keseragaman tanda baca pada MARC rekod serta kebolehan paparan secara nyata di WebOPAC. Lanjutan daripada ketersediaan platform di dalam Sistem ILMU, pada 17 dan 22 Ogos 2016 telah diadakan taklimat dan latihan pelaksanaan RDA kepada staf Bahagian Perolehan dan Pengindeksan, PLH. Bermula fasa awalan dengan konsep '*try and error*', di samping bantuan dan pandangan daripada rakan-rakan Pustakawan di perpustakaan Universiti lain. Tempoh ini merupakan proses pengukuhan kepada platform dan staf sebelum RDA digunakan secara sepenuhnya di PLH pada tahun 2017.

Selanjutnya pada 11 Januari 2017 diadakan bengkel pengukuhan dan pemahaman staf terhadap manual utama RDA, lanjutan kepada penggabungan Bahagian Perolehan dan Pengindeksan, PLH kepada Seksyen Pembangunan Koleksi, PLH (SPeK) yang melibatkan pertukaran dan kemasukan staf baharu. Bagi penyebaran maklumat penambahbaikan yang berkesan dan berekod, e-mel SPeK diwujudkan sebagai makluman dan rujukan kepada staf SPeK dalam pelaksanaan proses mengkatalog bahan. Penemuan penambahbaikan sepanjang tahun 2017 yang direkod melalui e-mel tersebut dikumpulkan dan dikemaskini di dalam manual rujukan. Hasil dan input pelaksanaan RDA juga turut dikongsi melalui






Mesyuarat SIG Pengkatalogan dan Metadata pada 16 Oktober 2017 di Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersama Universiti Awam dan Universiti Swasta. Maklumat penambahbaikan pelaksanaan RDA kemudian dikongsi melalui Bengkel Penambahbaikan RDA pada 29 Januari 2018. Tidak terhenti di situ, langkah pembelajaran diteruskan dengan menghantar staf ke bengkel luar seperti di Perpustakaan Negara Malaysia pada 10-12 Mac 2018.

Pembangunan RDA ini masih berterusan untuk mencapai tahap *Go live* yang lebih sukses. Sehingga kini proses berterusan berkaitan peraturan dan panduan adalah sentiasa di peringkat penambahbaikan. Pengukuhan kepada pelaksanaan RDA di PLH memerlukan jangkamasa yang panjang untuk dilengkapkan dan kejayaan pelaksanaan RDA pada masa hadapan di perpustakaan.



Sesungguhnya usaha ke arah standard baru ini bukanlah sesuatu yang mudah jika dibandingkan di antara perpustakaan-perpustakaan yang membangunkan konsep RDA. PLH boleh berbangga kerana dalam masa kurang dari 15 bulan, ianya mampu merealisasikan perancangan ke tahap '*Go live*' tersebut.



Piramid pelaksanaan RDA Perpustakaan UTeM

# E-buku vs Buku: *Pertembungan dua dunia*

Oleh : Mohammad Dzulhisham Che Hassim

**S**ebelum kemunculan kertas, manusia telahpun memiliki caranya yang tersendiri untuk mencoretkan sesuatu sama ada pada batu, kulit kayu dan daun yang mana penemuan ini telah dianggap sebagai permulaan awal kepada buku.

Dikatakan sekitar 2,400 SM, coretakan di atas daun Papyrus dan digulung untuk disimpan yang dirintis oleh masyarakat Mesir direkodkan sebagai bentuk buku terawal sebelum industri kertas berkembang pesat yang dipelopori oleh negara China semasa pemerintahan Dinasti Han sekitar 150 M.

Kewujudan kertas juga dianggap satu revolusi baru dunia penulisan yang memberi makna cukup besar dalam peradaban dunia dan sekali gus memberi impak dalam penerbitan buku di seluruh dunia.

Setelah merintis liku sejarah yang panjang, kepesatan teknologi telah menjuarai masuk ke dalam garis masa industri penerbitan buku sekitar 90-an yang mula memperkenalkan buku elektronik atau lebih dikenali e-buku.

## E-buku

**K**ini e-buku bukanlah sesuatu yang asing lagi dalam masyarakat dunia biarpun berlaku penolakan pada awal penubuhannya kerana dikatakan melanggar 'adat' dunia perbukuan dan bakal meminggirkan buku fizikal daripada ketamadunan manusia sejagat.

Sejak Revolusi Industri 3.0 sekitar tahun 2000 yang mempergiatkan usaha menegenahkan penggunaan komputer dan teknologi maklumat (IT), kewujudan e-buku turut berkembang pesat yang telah mengubah lanskap dunia penerbitan dan pemasaran buku fizikal.

Ketika awal pengenalannya, e-buku ini didatangi dalam bentuk fail .pdf atau seumpamanya untuk kemudahan setiap individu membacanya di komputer atau peranti khas dan boleh dicapai secara percuma atau berbayar.

Industri buku digital pada ketika itu menjual artikel terpilih seperti petua-petua kejayaan dalam format PDF atau mengalihkan sumber cetakan kepada e-buku untuk memudahkan pembaca dan pemasaran secara terus di internet.

Industri e-buku berstruktur hanya wujud di Malaysia empat tahun setelah revolusi e-buku bermula di Amerika Syarikat apabila negara itu memperkenalkan peranti Kindle oleh Amazon pada November 2007. Format e-buku yang pada kemunculan awalnya dalam fail PDF kini tampak lebih bergaya dengan pengenalan format baru iaitu HTML5 dan EPUB yang bersifat lebih interaktif, mesra pengguna dan serasi dengan penggunaan telefon pintar dan gajet masa kini.

Beberapa tahun kebelakangan ini, Revolusi Industri 4.0 pula mengambil peranan meneruskan kesinambungan versi 3.0 sekali gus merubah sekali lagi fenomena industri perbukuan seiring dengan transformasi digital dunia semasa.

Belum puas rumah-rumah penerbitan mengeluh lelah mengejar kemajuan teknologi dalam industri penerbitan yang bergerak begitu pantas sehingga ada di antaranya yang kecundang, muncul pula produk baharu contohnya *iBooks*, *audiobook* dan buku interaktif yang menggunakan teknologi augmented reality (AR).

## Nasib buku fizikal

**P**enerbit Universiti yang menjadi penggerak utama kepada penerbitan buku ilmiah universiti masih percaya bahawa ketika ini kedudukan buku fizikal masih di tahap yang baik dan tidak terhakis dengan desakan kemajuan teknologi semasa serta masih diterima umum dan mempunyai peminatnya yang tersendiri.

Biarpun ramai beranggapan kemajuan dunia teknologi maklumat akan menjurus kepada masyarakat global tanpa kertas, namun permintaan terhadap produk itu sebenarnya terus berkembang terutama di negara membangun, termasuk Malaysia.

Namun begitu, ketika Universiti telah mengatur langkah mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0, Penerbit tidak boleh terkecuali dan perlu bergerak seiringan bagi memastikan hasrat universiti menjadi sebuah kampus pintar tercapai.

Kini, walaupun agak terlewat, Penerbit Universiti telahpun mengorak langkah ke arah menerbitkan e-buku yang kini sedang dibangunkan selain bakal memperkenalkan pembelian buku tanpa tunai serta mempergiatkan promosi dan jualan buku secara atas talian.

Mungkin pada suatu ketika nanti, tiada lagi buku fizikal tersusun di galeri Penerbit Universiti kerana semua buku terbitannya disimpan di dalam repositori digital yang boleh diakses oleh pensyarah, pelajar dan pelanggan dari seluruh pelosok dunia atau mungkin juga buku fizikal akan terus diterbitkan selagi mana ada permintaan daripada mereka.



# Peranan Repositori Institusi dan Perpustakaan Dalam Meningkatkan Visibiliti Penyelidikan di UTeM

oleh Mahadir Che Ali & Harulrizam Mohamed



Repositori Institusi yang merupakan pendekatan terkini dunia teknologi maklumat di mana semua hasil karya penulisan dan penyelidikan para ilmuan di institusi pengajian tinggi akan dikumpul, disusun, dipelihara dan seterusnya disebarikan bagi tujuan perkongsian ilmu. Penubuhan repositori ini juga turut menekankan aspek pengaksesan maklumat secara terbuka bagi membolehkan komunikasi ilmiah dilakukan dengan lebih ekonomik.

Repositori Institusi (UTeM IR) telah mula beroperasi pada penghujung tahun 2011 di mana Perpustakaan Laman Hikmah telah dilantik sebagai pusat repositori UTeM dan segala perancangan dan pelaksanaan pelan tindakan penambahbaikan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat Repositori Institusi (UTeM). Pada ketika itu, koleksi UTeM yang disimpan di dalam UTeM IR adalah Projek Sarjana Muda sahaja. Pada awal tahun 2012, proses memuatnaik bahan telah ditumpukan kepada jenis-jenis bahan yang lain seperti artikel, tesis, kertas peperiksaan, buku, kertas seminar, projek jangka pendek/panjang dan juga slaid pengajaran. Pada peringkat seterusnya, kategori bahan telah dipertingkatkan lagi dengan proses memuatnaik koleksi teks ucapan Naib Canselor UTeM

Usaha penubuhan Repositori Universiti pada masa kini adalah bertepatan dalam menjaga segala khazanah bahan ilmiah dan dokumen penting terkumpul di UTeM ini sejak 18 tahun penubuhannya.

Perkembangan positif penghasilan bahan ilmiah oleh warga universiti dalam pelbagai matlamat pengajaran dan pembelajaran selama ini adalah baik kepada sebuah institusi yang berfokuskan pendidikan teknikal ini bagi persaingan mendapatkan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Namun begitu perkembangan pesat tersebut didapati tidak seiring dengan pengumpulannya yang didapati di pelbagai platform ataupun berada di dalam koleksi individu atau jabatan sahaja. Bagaimana ia berlaku? Evolusi penghasilan tidak seiring dengan kesedaran untuk memelihara apa yang dihasilkan, semua mengamalkan sikap 'material individualistic' serta tiada jabatan yang ingin memikirkan sesuatu untuk mengumpul dan berharap ada yang telah menjalankan sesuatu untuk menyimpan. Hakikatnya kita masih lagi tidak mengumpul.

Hasil ilmiah ini dilihat penting apabila ia diperlukan berdasarkan garis masa yang telah dilalui oleh UTeM kini. Perpustakaan dilihat lebih dominan dalam berperanan ke arah perkara ini dengan kombinasi penubuhan Repositori Universiti. Sudah tentu dengan pembangunan satu platform utama kepada pengumpulan semua bahan ilmiah dan dokumen penting universiti di bawah satu akses oleh warga UTeM atau pengguna luar dan tanpa batasan sempadan fizikal malah ia menjadi kemegahan status kepada perkembangan bahan di UTeM.

Salah satu komponen penting dalam repositori institusi yang perlu diberi perhatian adalah meningkatkan visibiliti. Visibiliti adalah penting bagi membolehkan kandungan diukur sebagai kepelbagaian bahan yang berada di dalam repositori institusi ini. Bagaimana memastikan visibiliti? Beberapa faktor awal yang perlu dilihat dalam mempengaruhi kejayaan visibiliti di dalam fasa pembangunan repositori institusi, yang berkait rapat kepada pengukuran jumlah hit akses apabila telah dilaksanakan kelak.

Di mana bahan berada?

Sebelum pelaksanaan, pengesanan bahan daripada pemilik ataupun jabatan adalah penting termasuk penilaian kepada jenis-jenis bahan yang perlu dimasukkan ke dalam Repositori Institusi. Pengumpulan bahan memerlukan kerjasama daripada semua pemilik bahan dalam realisasi atau jika perlu ia melibatkan penguatkuasaan dalam penyerahan bahan terbabit. Namun begitu perlu ada kaedah timbal balik dalam penyerahan bahan seperti pengiktirafan atau sesuatu kredit yang perlu kepada pemilik bahan. Semakin besar kejayaan dapatan adalah bukti kepada kehebatan koleksi bahan yang boleh diakses kelak.



### Bagaimana direkod

Standard metadata mengikut standard antarabangsa adalah perlu di dalam sesuatu sistem repositori, ini kerana ia berkait rapat kepada fungsi efisien yang disediakan sistem kepada pencari maklumat kelak dalam pengesanan bahan. Suatu standard metadata dengan spesifikasi yang baik menjamin juga kepada perkongsian pertukaran data dan capaian kandungan bahan di dalam repositori diperluaskan ke peringkat antarabangsa. Penyusunan kandungan bahan secara digital ini sama ada mengikut organisasi, peristiwa, jenis bahan, dan perkara (subjek), kronologi (tahun) atau mengikut nama pengarang (author, creator). Metadata yang baik juga perlu difahami oleh semua pendeposit dalam menampakkan keseragaman serta kekemasan sesebuah repositori institusi.

### Platform

Platform atau perisian yang bersesuaian perlu diberi perhatian serius serta haruslah berkonsepkan 'user friendly' sama ada untuk pendeposit bahan atau pencarian bahan semula kelak. Pemilihan media atau platform yang mudah dicapai sama ada pengguna dalaman ataupun pengguna luar. Secara teknikal ia perlulah stabil bagi mengelakkan banyak permasalahan yang wujud apabila koleksi bahan telah bertambah banyak serta lebih-lebih lagi jika menjadi platform kepercayaan oleh semua warga universiti.

### Semua orang perlu tahu

Apa yang dilaksanakan dalam memberi kemudahan kepada warga Universiti adalah perlu supaya ia dapat dimanfaatkan dan lebih penting mendapat kerjasama dan sumbangan dalam sama-sama menyumbang bahan di dalam repositori institusi.

Pengenalpastian aktiviti hebahan harus dilaksanakan bagi meningkatkan visibiliti dengan koleksinya yang dimuatkan dalam repositori. Didikan dan latihan berterusan mengenai repositori kepada warga Universiti dan memberi kesedaran akan kewujudan sumber ini dan secara tidak langsung mereka juga digalakkan sebagai penyumbang kepada repositori.

### Sumber Rujukan:

Kasimun, Sutarni (2010) Peranan Repositori Institusi dan Perpustakaan dalam Meningkatkan Visibiliti Penyelidikan. Kekal Abadi, Universiti Malaya.

Salleh Hudin Mustaffa dan Zuraidah Darus (2015) Pencarian Setempat Repositori Institusi Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia





# Kepintaran Buatan di Era Revolusi Industri 4.0

(Bahagian 1)

**M**ari kita lihat sejenak dalam aktiviti seharian kita di rumah. Pernahkah kita menggunakan mesin basuh automatik yang tertulis perkataan *Fuzzy Logic* pada panel kawalan? Selepas menekan butang **ON**, kita akan mendapati bahawa mesin basuh itu menimbang berat baju yang kita masukkan, dan seterusnya menentukan kadar masa basuhan dan kuantiti air yang diperlukan. Teknologi mesin basuh yang menggunakan kawalan *fuzzy logic* atau logik kabur ini merupakan salah satu aplikasi kepintaran buatan yang memudahkan tugas seharian kita. Aplikasi kepintaran buatan juga boleh kita dapati dalam kawalan peti sejuk, pemasak nasi, kamera, pendingin hawa, pemanduan kenderaan, kawalan keselamatan bangunan dan sebagainya. Aplikasi kepintaran buatan semakin pesat digunakan apabila munculnya revolusi industri 4.0.

## Sejarah Kepintaran Buatan

**P**ada musim panas 1956, para pelopor kepintaran buatan berkumpul di Kolej Dartmouth, New Hampshire bagi melancarkan sains baharu yang mereka terokai dan seterusnya menetapkan sasarannya. Bagi mereka, teknologi komputer yang digunakan perlulah rasional, terpelajar, dan matang bagi membuat keputusan. Ia perlulah menggunakan pengetahuan dan logik bagi menyelesaikan masalah. Sasaran mereka ialah sains yang baharu yang mereka terokai dapat melebihi kaedah pemprosesan numerikal yang digunakan komputer pada saat itu. Sains baharu kepintaran buatan memerlukan komputer berlainan yang dapat mereka, menyimpan dan mencapai pengetahuan, mengaplikasi peraturan logik kepada fakta dan data, bertanya soalan, menerbitkan fakta baharu, membuat keputusan dan memberikan justifikasi kepada tindakan yang diambil. Sebelum itu, seorang ahli Matematik berbangsa Inggeris Alan Turing telah mengimpikan satu mesin

pintar yang dapat bertutur dalam bahasa manusia sambil menunjukkan sifat manusiawinya. Namun, kepintaran buatan yang mereka cipta tidak mampu bersifat manusiawi yang dari sudut rasa, moral dan sedar. Selain itu, sejak tahun 1943, ahli sains *neuro* Warrant McCulloch dan ahli logik Walter Pitts telah membuat kajian persamaan antara elektronik dan *neuron* manusia bagi mengkaji samada otak manusia dapat ditiru atau tidak. Pada 1956 juga, seorang ahli psikologi US Frank Rosenblatt mencipta *perceptron*, satu algoritma yang bekerja dalam perkakasan menyerupai neuron yang mampu belajar sama seperti rangkaian *neural*. *Perceptron* telah menjadi permulaan kepada rangkaian neural buatan dan pembelajaran mendalam pada hari ini, iaitu 60 tahun selepas ia dicipta. Walaupun penyelidikan kepintaran buatan mengalami kemerosotan pada tahun 60an, ia bangkit semula di era 70an dengan sokongan penciptaan teknologi komputer yang lebih laju. Sistem pintar telah diperkenalkan seperti DENDRAL yang mengenalpasti kandungan dalam bacaan spektrometer dan MYCIN yang mengenalpasti bakteria dalam jangkitan darah. Selain itu, logik kabur juga diperkenalkan bagi mengatasi masalah mesin dalam menentukan pembolehubah yang tidak tepat. Di era 90an, aplikasi kepintaran buatan digunakan semakin meluas dalam teknologi yang digunakan seharian dan permainan. Pada tahun 1997, juara catur dunia Gary Kasparov telah ditewaskan oleh Deep Blue, sebuah sistem permainan catur IBM yang menggunakan kepintaran buatan. Kepintaran buatan juga digunakan dalam perlumbaan kenderaan tanpa pemandu sejauh 131 batu yang dikenali sebagai DARPA Challenge. Kini pada abad ke 21, kepintaran buatan terus digunakan bagi membantu manusia menguruskan data raya. Pembelajaran mesin telah digunakan bagi mengenalpasti corak data raya yang diterima agar ia dapat dibaca dan dimanfaatkan. Pembelajaran mendalam (*deep learning*) yang merupakan *subset* kepada pembelajaran mesin telah digunakan dengan lebih intensif oleh syarikat besar seperti Google bagi pemprosesan imej dan video, menganalisa teks, dan pengecaman suara.

## Kepintaran Buatan Dalam Revolusi Industri 4.0

IR 4.0 ini dipandu oleh perkembangan pesat pendigitalan dan kuasa pemprosesan dalam tiga cabang teknologi utama. Pertama ialah teknologi digital seperti *sensor*, GPS, *hyper*-penyambungan, Internet of Things dan platform digital. Kedua ialah teknologi fizikal seperti kenderaan automasi, pencetakan 3D, robotik termaju dan bahan baru. Manakala ketiga ialah teknologi biologi seperti penjujukan genetik, pengubatan sendiri, bio-pencetakan, pengawasan kesihatan berterusan, biologi sintetik dan *human augmentation*. Melalui tiga cabang teknologi utama ini, revolusi industri 4.0 dilihat akan memberi impak yang besar kepada ekonomi dunia, perniagaan secara maya, kegiatan seharian manusia, cara bekerja, keselamatan antarabangsa dan perkembangan minda masyarakat kerana berlakunya anjakan teknologi baru yang digunakan. Kebanyakan teknologi yang digunakan akan digabungkan dengan aplikasi kepintaran buatan dan automasi yang dijangka mampu untuk membuat keputusan tanpa panduan manusia dan akan menggantikan pekerjaan pada peringkat tahap pendidikan sederhana yang bersifat berulang-ulang. Sebagai contoh, kini kebanyakan proses mengimpal dalam industri automotif telah menggunakan teknologi robot bagi menggantikan manusia. Aplikasi kepintaran buatan dalam robot kimpalan akan membolehkan robot meneliti kualiti kimpalan dan seterusnya mengurangkan tenaga manusia dalam proses kawalan kualiti. Di era revolusi industri 4.0 ini, kepintaran buatan sangat diperlukan bagi mesin mempelajari sesuatu pekerjaan dan akhirnya menggantikan manusia untuk melakukan pekerjaan yang berisiko tinggi, berulang-ulang dan bersifat pantas.

## Kepintaran Buatan di UTeM

UTeM sentiasa satu langkah di hadapan bagi mendepani gelombang IR 4.0 ini dengan menawarkan program akademik yang sentiasa relevan. Kursus Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) telah hampir 10 tahun ditawarkan di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi UTeM dan telah melahirkan hampir 250 orang tenaga mahir dan professional dalam bidang ini. Di samping itu, topik dan matapelajaran kepintaran buatan juga telah ditawarkan di fakulti-fakulti lain yang berasaskan teknologi dan kejuruteraan. Produk penyelidikan dan inovasi yang berasaskan kepintaran buatan juga telah banyak dicipta bagi memberi manfaat kepada masyarakat. Justeru, pejabat CIO sentiasa bekerjasama dan menyokong semua pihak di UTeM bagi mengambil peluang untuk mengaplikasikan kepintaran dalam sistem dan ciptaan yang dibangunkan bagi merealisasikan impian wujudnya kampus pintar di UTeM. Pejabat CIO menerusi Pusat Pengurusan Pengetahuan dan Komunikasi, Perpustakaan Laman Hikmah dan Penerbit Universiti akan sentiasa menyediakan perisian, perkakasan, bahan bacaan, jurnal, latihan, penerbitan bagi menyokong usaha menyediakan tenaga manusia yang mahir dalam bidang ini. Harapan kita adalah teknologi yang digunakan dapat menyelesaikan masalah yang kompleks, memudahkan urusan seharian dan merapatkan hubungan sesama manusia. Pada keluaran Radius CIO yang akan datang, penulis akan membincangkan dengan lebih mendalam contoh-contoh penggunaan kepintaran buatan di era revolusi industri 4.0 ini.

## Rujukan

1. **George F. Luger (2009), *Artificial Intelligence: Structures and Strategies for Complex Problem Solving*. 6th Ed. Pearson Addison Wesley.**
2. **“Will Artificial Intelligence Surpass Human Intellect Soon?” *Earth Magazine*. Asia Edison. Vol 9, Issue 4. p50. BBC Earth Magazine.**
3. **Wikipedia.org**



# Hubungan Kepimpinan & Teknologi Komunikasi

## Terhadap Perubahan Keorganisasian dalam Kalangan Staf

Oleh: Ruziah Ali

**P**erubahan yang berlaku akibat fenomena Industri 4.0 memerlukan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, agar daya saing dapat diperkasakan. Sumber manusia sekarang adalah pelapis yang mewarisi pentadbiran organisasi dan negara. Realiti hari ini menunjukkan bahawa pembangunan sumber manusia menjadi tumpuan utama organisasi dalam menangani perubahan persekitaran. Hal ini amatlah berhubung rapat dengan tuntutan keperluan Industri 4.0 yang berasaskan teknologi komputer dan pengautomatan. Sumber manusia perlu diberi pendedahan mengenai keperluan melengkapkan keupayaan diri masing-masing dalam menangani tuntutan Industri 4.0. Semua ini boleh dicapai melalui latihan dan pembangunan sumber manusia bagi setiap organisasi.

Organisasi ditakrifkan pula sebagai satu unit sosial yang terdiri daripada manusia yang bekerjasama dan saling bergantung antara satu sama lain untuk mencapai sesuatu matlamat. Organisasi pada umumnya merupakan satu sistem terbuka yang perkembangannya dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Proses transformasi organisasi lazimnya bermula dengan analisis semula persekitaran dan seterusnya kajian semula pernyataan visi, misi dan matlamat strategik. Perubahan strategik ini perlu sejajar dengan bidang tugas anggota organisasi untuk memastikan agar perubahan pada peringkat strategik ini dapat diturunkan kepada peringkat pelaksanaan individu dalam organisasi. Pengaplikasian Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) dalam fenomena Industri 4.0 merupakan jentera penggerak yang memberi nafas baharu dalam memperbaiki kesalingbergantungan tugas, meningkatkan perhubungan dengan pelanggan dan keanjalan bersaing dengan pasaran luar. Pekerja dapat berinteraksi lebih kerap dan lebih banyak dengan pihak berkepentingan dan meningkatkan maklumat yang diberikan kepada pelanggan. Secara

tidak langsung dengan adanya TMK membolehkan pekerja itu sendiri membentuk perkongsian maklumat dan aspek perkongsian inilah yang memainkan peranan penting dalam membangunkan dan mengekalkan hubungan pelanggan yang kukuh.

Penggunaan teknologi komunikasi dalam organisasi pada dekad ini telah diterima sebagai satu keperluan asas. Organisasi tidak akan dapat bergerak dengan lancar jika tidak menggunakan teknologi komunikasi sebagai salah satu kaedah memudahkan pengurusan organisasi. Sejalan dengan itu, revolusi Industri 4.0 telah berjaya melakukan perubahan pendekatan terhadap pengurusan teknologi korporat dalam organisasi dan hakikatnya perubahan ini telah mula diberi perhatian oleh pengurusan dalam organisasi. Teknologi komunikasi merupakan agen perubahan kepada peredaran globalisasi dan digitalisasi. Di mana perubahan ini telah mengubah gaya organisasi beroperasi dan bersaing di pasaran. Walaupun masih ada lagi yang berpendapat bahawa sesetengah organisasi mungkin hanya memerlukan teknologi komunikasi yang terhad, namun hakikatnya sebahagian besar organisasi memerlukan beroperasi dengan bantuan teknologi sepenuhnya. Ini adalah



bagi memastikan operasi organisasi berjalan dengan lancar dan objektif dapat dicapai. Situasi ini memberikan kelebihan kepada organisasi agar mampu mengakses maklumat dan mengeksploitasi kelebihan penggunaan teknologi komunikasi.

Dalam konteks transformasi pengurusan organisasi UTeM, adalah merujuk kepada integrasi teknologi yang merangkumi kesediaan individu dan organisasi untuk menerima transformasi ini, serta bersedia menerima teknologi sebagai sebahagian daripada persekitaran dalam organisasi. UTeM sebagai sebuah universiti awam teknikal pertama di Malaysia, perlu membuat persediaan awal dalam menangani dan mendepani cabaran kesan revolusi yang dipengaruhi oleh perubahan kehendak yang berbeza-beza dari aspek sosial, teknologi, ekonomi dan politik yang sangat diperlukan demi memastikan segala usaha yang dihasratkan sentiasa relevan dengan keperluan semasa. Hal ini, terutamanya dalam perkembangan teknologi komunikasi yang telah membuka lembaran baharu dalam perhubungan manusia dan juga telah membawa perubahan di dalam organisasi. Dalam mentransformasikan perubahan ini organisasi perlu lebih cakna dan amat memerlukan jaringan komunikasi yang baik dan pantas. TMK yang canggih hanyalah permulaan perubahan yang memberi kesan pada pengurusan dan aktiviti organisasi. Teknologi yang wujud dalam organisasi adalah perangsang perubahan yang meluas apabila teknologi memerlukan penglibatan pengurusan kepimpinan yang mantap yang membolehkan pekerja beroperasi dan bertindak balas dengan kehendak persekitaran luaran organisasi.

Penggunaan teknologi yang bermanfaat di UTeM juga diseimbangkan dalam usaha melestarikan alam sekitar. Inisiatif Tenaga Pintar merupakan salah satu ikhtiar UTeM dalam penggunaan dan pengurusan tenaga secara efisien. Menggunapakai teknologi *LED*, *timer based switch*, pengawalan suhu optimum yang disesuaikan berdasarkan aktiviti fizikal di lokasi

yang terlibat. Input yang diterima menggunakan peranti IOT yang dihubungkan secara terus ke Cloud Servers membolehkan pemantauan dilakukan secara berterusan dan dijangka akan memberi penjimatan kepada Universiti tanpa meremehkan keselesaan pekerja dan pelajarnya.

Pelaksanaan analitis data raya juga merupakan salah satu inisiatif UTeM dalam membantu pengurusan untuk membuat keputusan berdasarkan kepada ketersediaan data yang komprehensif daripada dalam dan luar Universiti. Pelaksanaan inisiatif ini akan mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang responsif dan mengutamakan kepastian bertindak bagi memenuhi kehendak pemegang taruh seperti pelajar, kerajaan dan rakyat. Kepimpinan UTeM dari semasa ke semasa sentiasa cakna dan bersedia menghadapi cabaran dalam era revolusi baharu ini. Kesediaan untuk menerima perubahan dan kesediaan untuk menyediakan keupayaan yang sesuai untuk perubahan adalah perkara utama organisasi UTeM. Perubahan ini termasuk melengkapkan pekerja berkemahiran dalam penggunaan TMK ini. Pihak pengurusan organisasi UTeM, sentiasa memastikan setiap kakitangan memahami matlamat organisasi supaya dapat seiring dengan pelaksanaan tugas mereka dan memanfaatkan penggunaan teknologi dalam mengekalkan, serta melonjakkan lagi prestasi pekerja dan organisasi di mata dunia selaras dengan visi dan misi UTeM. Pihak pengurusan UTeM turut bersedia dan bergerak seiring bersama persekitaran organisasi termasuk dari segi sumber manusia, teknologi peralatan, corak komunikasi, kewangan dan pembangunan organisasi UTeM itu sendiri supaya terus bersaing dan kekal relevan dalam menghadapi perubahan keorganisasian dari semasa ke semasa.



# Kajian Kepuasan Pelanggan Tingkat Kualiti Perkhidmatan

Oleh : Azman Hj. Ayup dan Zuraidah Amar

Peredaran zaman menjadikan perpustakaan bukan hanya tempat menyimpan ribuan koleksi bahan bacaan semata-mata tetapi peranannya kini telah berkembang sebagai pusat aktiviti kepada pengguna.


Malah, jika di sesebuah institusi pendidikan tinggi, para pelajar lebih cenderung menjadikan 'kutub khanah' sebagai lokasi pertemuan dengan rakan-rakan, mengisi masa lapang, merehatkan minda selain mentelaah pelajaran.

Sehubungan itu, demi memastikan keselesaan pengguna khususnya para pelajar, Perpustakaan Laman Hikmah mengambil inisiatif dengan mengadakan kajian kepuasan pelanggan bagi mendapatkan maklum balas pengguna mengenai kemudahan yang disediakan di Perpustakaan Laman Hikmah.


Kajian ini diadakan secara tahunan sejak 2011 lagi dengan objektif utamanya adalah untuk mengukur tahap kepuasan pengguna dan menambahbaik kemudahan yang menjadi keutamaan pengguna selain mengenalpasti kehendak dan keperluan pengguna terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan.

Skop kajian terbaru telah dijalankan dengan mengedarkan borang kajian soal selidik secara atas talian bermula pada 1 hingga 15 Disember tahun lalu. Kajian soal selidik ini merangkumi maklumat am pengguna, tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan, koleksi, kemudahan ruang, persekitaran dan cadangan penambahbaikan dari pengguna.

Hasil maklumbalas 624 responden terhadap soal selidik yang dijalankan, tahap kepuasan pengguna bagi perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan adalah sebanyak 93%.



Tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan perpustakaan adalah sebanyak 93%.



Tahap kepuasan pengguna terhadap kemudahan perpustakaan adalah sebanyak 93%.

Kesimpulannya daripada kajian kepuasan pelanggan di Perpustakaan Laman Hikmah ini telah banyak membantu perpustakaan meningkatkan mutu perkhidmatan melalui kerangka perancangan strategi dan menyusun semula gerak kerja staf serta dalam menyediakan *Key Performance Indicator's* (KPI) dan Sasaran kerja Tahunan (SKT) perpustakaan.

Dapatan kajian berkenaan menjadi faktor penyumbang kepada perancangan menaik taraf Perpustakaan Laman Hikmah untuk sepanjang tahun ini yang antaranya adalah penyediaan ruang 24 jam untuk kegunaan pelajar dan juga pusat sehati yang menyediakan pelbagai perkhidmatan.

Kajian kepuasan pelanggan ini juga merupakan inisiatif Perpustakaan Laman Hikmah ke arah penambahbaikan berterusan dalam memberikan perkhidmatan kepada pengguna dengan mengkaji lebih terperinci tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan yang telah disediakan di perpustakaan pada masa ini.

Perpustakaan Laman Hikmah yang kini serba lengkap dengan kemudahan ruang yang besar dan selesa serta menempatkan koleksi yang dapat memenuhi keperluan maklumat warga UTeM akan terus mengalami tranformasi seiring dengan kehendak penggunaanya dari semasa ke semasa.

# Percetakan dan Penjilidan

Oleh : Mohd. Rashid Jantan

Penerbit Universiti mengorak langkah ke hadapan setelah dipersetujui oleh Pengurusan Universiti untuk memusatkan aktiviti percetakan (termasuk penjilidan) di bawah Unit Percetakan, Penerbit Universiti. 19 Januari 2017 merupakan tarikh keramat kepada Penerbit Universiti dalam memperluaskan sayapnya. Sayap dikembang luaskan mulai 2018 apabila Unit Percetakan distruktur semula kepada Bahagian Percetakan dan Penjilidan (BPP), dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas mencetak dan menjilid bahan secara berpusat di UTeM.

Bagi menjayakan hasrat dan objektif, seramai enam (6) orang staf di bawah naungan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (Pejabat CIO) iaitu gabungan dari Perpustakaan Laman Hikmah dan Penerbit Universiti telah ditugaskan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Pelaksanaan tanggungjawab ini bukan sahaja digalas dengan tenaga manusia tetapi juga digabung dengan kelengkapan peralatan, tiga belas (13) unit mesin penjilidan dan kemas serta empat (4) unit mesin percetakan digital menjadi tonggak utama pengoperasian yang optimum oleh BPP.

Peralatan yang diperoleh dan dengan kekuatan staf yang ada, BPP berperanan sebagai tonggak utama dalam bidang percetakan. BPP berkeupayaan menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan percetakan dalam bentuk hitam putih atau berwarna dan penjilidan, Berikut adalah kategori percetakan yang dilaksanakan:



Pemohon dikehendaki melengkapkan Borang Perkhidmatan Penerbit Universiti dan menyerahkan salinan bahan (*final copy*) yang hendak dicetak dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* (CD/DVD/thumbdrive dalam format *Microsoft Word/Adobe PDF/JPEG*). Tempoh masa maksimum percetakan adalah selama 14 hari bekerja dari tarikh dimohon (tidak termasuk proses lain seperti reka bentuk dan reka letak). Setiap spesifikasi reka bentuk dan bahan cetakan akan ditentukan oleh Penerbit Universiti berdasarkan kesesuaian. Bahan yang telah siap dicetak akan diserahkan kepada pemohon.

Selain memfokuskan kepada perkhidmatan percetakan dalaman, melaksanakan kerja-kerja percetakan dari permohonan pihak luar juga diterima dengan kadar bayaran yang ditetapkan.

Bagi memperkasakan peranan dan fungsi BPP didalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga UTeM, BPP berhasrat mengembangkan skop kerja percetakan yang sedia ada kepada pelbagai perkhidmatan percetakan yang lebih meluas. Hasrat ini bertujuan menyokong pihak Universiti didalam usaha penjimatan selain meningkatkan penjana pendapatan. BPP yakin untuk memenuhi segala permohonan percetakan dan penjilidan yang diterima daripada warga UTeM mahupun pihak luar agar peranan bahagian ini dapat dioptimumkan.



Oleh : Mohd Farez Mohd Jeffery &  
Syiham Akmal Saaban

# 'Hadiah untuk Abah'

## Perjuangan keringat & air mata

"Jangan dihitung tara peluh dan tenaga abah. Kalau dinilai aku pasti ramai yang sudah rebah".

"Jika perjalanan abah itu boleh diukur, aku pasti abah sudah lali untuk jatuh dan tersungkur".

Demikian bait monolog Amir yang pastinya meruntun jiwa bagi yang pernah menyaksikan video raya 'Hadiah untuk abah' hasil pembikinan Bahagian Multimedia Penerbit Universiti dengan kerjasama Pejabat Pengurusan & Perhubungan Canselori (PPPC).

Menyingkap tirai kejayaan penerbitan video yang berdurasi enam minit itu, pelbagai cabaran dan rintangan dihadapi krew produksi yang diketuai Penerbit Rancangan, Mohd Farez Mohd Jeffery yang menggalas tanggungjawab sebagai pengarah video berkenaan.

Walaupun terpaksa bertugas di bulan Ramadan, krew produksi tetap tabah dan melaksanakan gerak kerja seperti yang dirancang bermula dari proses pra produksi, produksi dan pasca produksi.

Proses pra produksi diatur yang melibatkan penyediaan konsep idea, sinopsis dan *treatment*, skrip, papan cerita, pemilihan lokasi dan pelakon, penyediaan belanjawan, jadual penggambaran, penyediaan kostum dan skrip rakaman (*shooting script*).

Biarpun proses ini tampak mudah untuk dilaksanakan, namun kekangan sumber manusia memberikan cabaran yang besar dalam mengkoordinasikan tugas bagi memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan berkesan.

*Brain storming* memikirkan idea jalan cerita adalah perkara pertama yang dilakukan yang mengambil masa berminggu kerana proses ini memerlukan kajian sama ada menerusi pembacaan, menonton filem atau iklan berkaitan dan mendapatkan pendapat orang sekeliling.

Akhirnya, tema kekeluargaan kisah sorang penarik beca diangkat untuk diterjemahkan dalam video pendek berkenaan yang menyelitkan unsur teknikal dalam pembuatan beca elektrik yang menjadi intipati keseluruhan video itu.

## Pra produksi

Selepas menerima cabaran daripada engurusan Tinggi Universiti untuk menghasilkan sebuah video pendek sempena Hari Raya Aidilfitri, Bahagian Multimedia terus mengorak langkah biarpun menyedari akan cabaran yang bakal dihadapi kerana tiada pengalaman dalam menghasilkan produk komersial seperti ini.

## Produksi

Proses mencari lokasi penggambaran selama empat hari akhirnya membuahkan hasil dan sebuah rumah yang memenuhi kehendak skrip berjaya ditemui yang terletak Sungai Rambai, Melaka.

Menjalankan tugas rakaman semasa bulan Ramadan adalah sangat mencabar bagi warga produksi namun biarpun di bawah bahang mentari, proses ini berjaya disudahkan dalam tempoh empat hari sahaja dengan kekuatan hanya empat orang krew berbanding lebih sepuluh orang petugas bagi sebuah industri rakaman sebenar.

Fasa ini memerlukan kemahiran yang tinggi dalam pengendalian peralatan penggambaran bagi memastikan video yang terhasil di layar digital seperti yang diilhamkan oleh pengarah dan menepati papan cerita serta skrip yang disediakan.

Farez selaku pengarah dan jurukamera bertanggungjawab menjaga pemilihan sudut kamera dan pengarahannya, Rais Mahat bertugas menjaga penataan cahaya, Shamsudin Ithnin sebagai juruaudio dan Syiham Akmal Saaban menguruskan 'props' di set penggambaran, pemilihan kostum dan peralatan kamera.

Sebiji kamera, lensa 30mm dan 85 mm menjadi satu-satunya 'senjata' jurukamera membidik setiap syot dan digandingkan dengan kepakaran krew dalam pengendalian penataan cahaya, audio dan 'props' serta kehebatan pelakon telah berjaya menghidupkan karya tersebut.

## Pasca Produksi

Setelah selesai rakaman, proses yang berikutnya adalah pasca produksi iaitu fasa akhir dalam sesebuah produksi video. Proses ini melibatkan penyuntingan seperti penyusunan video serta memasukkan grafik dan bunyi.

Masa semakin mencemburui, cuma tinggal kira-kira seminggu sahaja lagi Aldilfitri bakal menjelang. Krew produksi terpaksa bertungkus lumus menyudahkan fasa akhir video berkenaan untuk dimuat naik ke laman Facebook rasmi Universiti sebelum menjelangnya Hari Raya.

Dengan bantuan staf PPPC, Zulkifli Maskuri membuat skrip bagi suara latar, elemen dramatik telah berjaya ditonjolkan dan sekali gus melengkapkan video pendek berkenaan dan yang pastinya mampu menyentuh hati penonton.

Penerbit Universiti mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya Pengurusan Universiti yang memberikan kepercayaan kepada Bahagian Multimedia untuk mengetuai penerbitan video berkenaan dan tidak lupa juga kepada ketua projek Beca Elektrik UTeM, Profesor Madya Ir. Dr. Abdul Rahim Abdullah yang memberikan sepenuh kerjasama.

## Info

Hadiah Untuk Abah mendapat 37,000 view, 1,200 like dan 1022 perkongsian dalam tempoh tiga hari dimuat naik di laman Facebook Universiti.



**“Jagalah ibubapamu,  
nescaya anak-anakmu  
akan menjagamu”**

Saidina Ali Abi Talib



# Aku datang memenuhi Panggilan MU.... (Bahagian 1)

Oleh : Mimi Rahayu Hamdin

**“Aku datang memenuhi panggilanMu ya Allah! Aku datang memenuhi panggilanMu!  
Aku datang memenuhi panggilanMu, Tiada sekutu bagiMu,  
Aku datang memenuhi panggilanMu.  
Sesungguhnya segala puji dan nikmat serta kerajaan adalah milikMu,  
Tiada sekutu bagiMu!”**

Alhamdulillah, menjadi tetamu Allah pada usia yang masih dikira muda adalah merupakan nikmat yang amat besar untuk kami. Dalam keadaan kesihatan yang baik, tenaga yang masih kuat serta akal fikiran yang masih waras, menjanjikan kemudahan yang sangat memuaskan ketika berada di kedua-dua Kota Haram berkenaan.

Walaupun begitu, menjadi tetamu Allah dalam usia ini lain pula cabarannya. Cabaran pertama dan yang paling merungsingkan adalah isu anak-anak. Siapakah calon terbaik untuk menjaga amanah Allah yang satu ini? Maka setiap hari ketika pra-Haji, setiap harilah tanpa jemu kami selalu berdoa untuk diketemukan dengan penjaga yang terbaik untuk anak-anak ini. Malah, ketika Ramadhan kami berterusan melipatgandakan usaha ini. Subhanallah, akhirnya muncul dia untuk membantu kami, sepupu perempuan yang bercuti semester sudi untuk menolong kami dan tinggal bersama-sama anak-anak untuk menguruskan semua hal mereka.

**“Alhamdulillah, memang benar, Dialah penjaga terbaik untuk anak-anak kami. Serahkan semuanya pada Dia. Dia akan membantu kita dengan cara yang paling tidak disangka-sangka. Syukur ya Allah, sesungguhnya engkaulah sebaik-baik penjaga.”**

Anak-anak telah diberitahu seawal surat tawaran diterima. Mereka akan ditinggalkan selama lebih kurang 45 hari dengan seorang penjaga yang akan menjaga mereka. Panduan dan bagaimana cara sepatutnya ketika ketiadaan ibu dan bapa, diajar dan diingatkan berulang kali. Bagaimana cara pengurusan kain baju, menggunakan mesin basuh dan menggosok baju sekolah. Pastikan kasut sekolah dicuci setiap minggu. Bilik perlu dikemaskan dan pelbagai lagi pesanan dari pihak penaja! Hehehehe... Paling penting, hanya boleh naik kenderaan dengan orang-orang yang telah ditentukan sahaja.

Satu jadual disediakan bagi mereka semua. Terfikir sejenak difikiranku. Alahai, apalah yang boleh diharap dengan anak sulung berumur 12 tahun ini. Kadangkala masih lagi mahu bermanja dipaha ibu. Si abang, ketika itu di darjah 3 pula ditugaskan mengajar adiknya (6 tahun) mengaji. Dengan pesanan, ‘pastikan adik dan kakak mengaji tiap hari, baharu bercahaya dan malaikat pun suka nak masuk rumah kita.’

Kursus Asas Haji kami hadiri dengan gigih. Setiap minggu kami hadir ke masjid Alor Gajah untuk menimba ilmu berkaitan haji. Namun, hati menjadi gelisah walaupun kursus yang dihadiri memang sangat bermanfaat. Kenapa saya macam susah nak paham? Aduh, masalah betullah! Ini bukan perjalanan antarabangsa atau sekadar melancong. Ini adalah misi akhirat. Hanya yang dijemput sahaja layak ke sana. Ilmu perlu cukup, persiapan perlu rapi. Maka banyaklah buku dan laman sesawang menjadi rujukan saya untuk panduan ketika di sana nanti. Takut, risau, dan sedih semuanya ada. Tanpa malu saya memohon ibu bapa mendoakan saya. Kedua ibu bapa kami seronok sungguh berkongsi cerita ketika mereka berada di sana.

Sebagai manusia, ketakutan itu sering hadir kerana kita tak pernah mengalaminya. Pelbagai persoalan menerjah diminda ini. Bagaimana keadaan di sana? Agak-agak, bagaimanalah dengan *roomates* nanti? Jauh ke nak berjalan ulang-alik nanti? Bagaimanalah keadaan di Mina nanti atau lebih spesifik ketika melontar? Haih...

24 Julai 2017, jam 7.30 pagi perjalanan kami bermula. Usai menghantar permata hati ke sekolah, kami memulakan perjalanan ke Kelana Jaya. Kami perlu berada di sana tepat jam 11.00 pagi. Di Kelana Jaya, keluarga mertua saya telah menunggu. Usai menerima beg kecil dan pelbagai lagi cenderamata dari pihak Tabung Haji (TH), kami mula menarik beg besar untuk ke dalam dewan taklimat. Ketika di dewan, ketibaan Perdana Menteri dan laungan azan berkumandang. Hati saya amat sayu ketika ini. Terasa betapa benarnya kata-kata menjadi tetamu Yang Maha Agung ini sungguh istimewa. Bumi Malaysia kami tinggalkan seketika pada jam 9.10 malam.

## Madinah Al-Munawarah

Lapangan Terbang Antarabangsa Madinah menanti kami pada jam 3.00 pagi waktu tempatan (beza waktu Mekah dan Madinah adalah 4 jam). Urusan imigresan berjalan lancar. Setelah mengambil kunci bilik dan membersihkan diri, kami bergegas ke masjid untuk solat Subuh berjemaah. Alhamdulillah, Subuh pertama di Masjid Nabi. Sangat tenang dan damai. Jemaah haji yang lain masih belum ramai.

Hari pertama ketika solat Maghrib dan Isyak adalah waktu yang paling sukar untuk diri saya kerana masalah jet lag. Ketika solat Isyak, hampir sahaja saya terus sujud. Syukur keadaan ini tidak berpanjangan.

Hari kedua, saya beranikan diri untuk ke Raudhah. Keadaan di dalam Raudhah ketika ini masih terkawal dan mudah untuk bersolat. Bagi jemaah wanita, waktu lawatan ke sini ada 3 kali sehari. Sesi pertama bermula waktu dhuha sehingga pukul 11.45 pagi. Sesi kedua setelah Zuhur sehingga 30 minit sebelum Asar dan ketiga setelah solat Isyak.

**“Di Masjid Nabawi ada banyak pintu di sekeliling masjid. Jemaah dinasihatkan untuk mengecam pintu masuk ketika melangkah ke masjid. Ini untuk mengelakkan daripada tersesat ketika keluar dari masjid nanti. Jika berhajat untuk mengunjungi raudhah sesudah solat fardhu, lebih mudah jika terus masuk ke pintu 25 dan boleh terus bersolat di situ serta mula menunggu dihadapan pagar untuk ke raudhah.”**



Karpet di raudhah



Jemaah Asia sedang menunggu giliran ke raudhah



Berbeza dengan Jemaah yang lain, jemaah yang berkerusi roda mempunyai laluan khas. Mereka perlu beratur ketika ingin masuk ke dalam raudhah. Keluasan sekitar 5m x 5m diperuntukan di sini.

Pada masa yang lain, saya masih lagi berjanji temu dengan makcik Faizah untuk menolaknya ke raudhah (ini tiket saya nak masuk raudhah!).

Pada kesempatan ini, jemaah lain tidak ramai. Maka kami boleh lagi masuk ke raudhah untuk kali ke-2. Subhanallah, setelah selesai, kami hanya mampu memandang sesama sendiri. Tanpa henti ucapan terima kasih daripada dia, syukur alhamdulillah.

Di Madinah, kami ditempatkan sebilik 4 orang. Alhamdulillah, syukur semua teman saya molek pekertinya. Selayaknya sebagai tetamu Allah.

Ketika di tanah air lagi, saya dan suami sudah berniat untuk tidak terlalu membeli barangan ketika di sana. Malahan pula ini adalah kunjungan kedua kami. Hasil pembacaan dan cadangan dari jemaah tahun sebelumnya, lebih baik membeli belah di Madinah sahaja. Hehehehe...

Jadi seawal minggu pertama di tanah Haram, kami mula mengumpul barangan yang ingin di bawa pulang dan terus diposkan ke rumah. Ini bermakna anak-anak dapat buah tangan dahulu!

Setelah 10 hari berada di Madinah, tibalah masanya untuk berangkat ke Mekah. Beg besar terlebih dahulu telah ditanda dan dibawa ke Mekah sehari lebih awal dari jemaah.

Setelah selesai Subuh, kami mula bersiap-siap dengan pakaian ihram. Pagi ini kami akan dibawa ke Bir Ali untuk solat sunat ihram dan terus berniat ihram di sini. Jemaah haji dari Madinah akan berhenti di miqat Bir Ali untuk niat dan berihram umrah atau haji.

Nantikan pengalaman di Tanah Haram dalam keluaran akan datang.



Keadaan di dalam raudhah, bahagian berkerusi roda. Dikepung dengan penghadang putih

“Antara panduan ketika di tanah Haram, ketika keluar berjalan atau membeli belah lebih baik ditemani oleh mahram masing-masing atau dalam kumpulan yang ramai. Elakkan pergi berseorangan. Walaupun saya pergi berdua dengan suami, masih ada lagi penjual yang ingin mengambil kesempatan. Jadi lebih baik berhati-hati!”





# Biasakan yang **BETUL** BETULKAN yang biasa

## KOSA KATA BAHARU

Istilah Baharu			Istilah Baharu		
No.	KOSA KATA BAHARU	DALAM BM	No.	KOSA KATA BAHARU	DALAM BM
1.	<i>selfie</i>	swafoto	11.	<i>viral</i>	tular
2.	<i>hashtag #</i>	tanda pagar	12.	<i>watermark</i>	tera air
3.	<i>booth</i>	reruai	13.	<i>hotspot</i>	kawasan khas
4.	<i>crawler</i>	perangkak	14.	<i>photobomb</i>	tunafoto
5.	<i>bunting</i>	gegantung	15.	<i>push button</i>	butang tekan
6.	<i>road show</i>	jerayawara	16.	<i>pick-up line</i>	kata pikat
7.	<i>highlight</i>	imej tumpu	17.	<i>trending</i>	sohor kini
8.	<i>post mortem</i>	pascanilai	18.	<i>teaser</i>	iklan acah
9.	<i>back drop</i>	latar pentas	19.	<i>finger food</i>	makanan cekut
10.	<i>role model</i>	suri teladan	20.	<i>nap</i>	meridap

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### KESILAPAN EJAAN

naskah ❌

naskhah ✅

lanskap ❌

landskap ✅



PEKA BAHASA  
prpm.dbp.gov.my

### KESILAPAN EJAAN

aturcara ❌

atur cara ✅

urusetia ❌

urus setia ✅



PEKA BAHASA  
prpm.dbp.gov.my



# *Sekalung Budi*

## **BERSARA WAJIB**

**NATTRAH BINTI MAAROF**  
PEMBANTU TADBIR / N19 (1 OGOS 2001 HINGGA 1 NOVEMBER 2017)

JAMAL ABD. NASIR BIN ABD. WAHAB  
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN / FA32 (16 JULAI 2001 HINGGA 2 FEBRUARI 2018)

## **BERSARA PILIHAN**

**SAIFUL NIZAM BIN ISMAIL**  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT / F41 (11 FEBRUARI 2002 HINGGA 30 NOVEMBER 2017)

## **PERTUKARAN PENEMPATAN**

**MOHAMAD RASHID BIN JANTAN**  
PUSTAKAWAN / MEMANGKU S44 DARI PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH KE PENERBIT UNIVERSITI (2 JANUARI 2018)

**AZMAN BIN AMIR**  
PENOLONG PUSTAKAWAN / S29 DARI PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH KE PENERBIT UNIVERSITI (2 JANUARI 2018)

**EIISAA BIN AHYED**  
PEMBANTU PUSTAKAWAN / S19 DARI PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH KE PENERBIT UNIVERSITI (2 JANUARI 2018)

**MUHAMMAD AFIZ BIN AHMAD**  
PEMBANTU PUSTAKAWAN / S19 DARI PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH KE PENERBIT UNIVERSITI (2 JANUARI 2018)

**IRASTIKA MURNI BINTI SELAMAT**  
PEMBANTU TADBIR KANAN / N22 DARI PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI KE PENERBIT UNIVERSITI (30 APRIL 2018)

**NOR AZLINAWATI BINTI DAUD**  
PEMBANTU TADBIR / N19 DARI PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI KE PEJABAT PENDAFTAR (30 APRIL 2018)

**SYAHIRA BINTI HJ. ADNAN**  
PENOLONG PENDAFTAR KANAN / N44 DARI PEJABAT KETUA PEGAWAI MAKLUMAT KE CREATE (30 APRIL 2018)

**SUHAIMEI BIN HASHIM**  
PEMBANTU KEMAHIRAN / H19 DARI PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI KE PEJABAT PEMBANGUNAN (1 JUN 2018)

## **PINJAMAN**

**NURUL AKMAR BINTI MEHAT**  
PUSTAKAWAN / GRED S41 DARI PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH KE KOPERASI UTeM BERHAD (31 Mei 2018)

## **SELAMAT DATANG**

**NORHAYATI BINTI AHMAD**  
PEMBANTU TADBIR / N19  
DARI BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK, PEJABAT PENDAFTAR KE PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI (2 JANUARI 2018)

# *Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017*

## **PEJABAT KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (PEJ CIO)**

**NURAISSAH BINTI ABDUL WAHAB**  
SETIAUSAHA PEJABAT / N29

## **PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI (PPPK)**

**NORLEEN BINTI AZAM**  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN / F44

**RUSLINA BINTI RUSMANI**  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT / F41

**WAN IMRUL NAZIMI BIN NORDIN**  
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN / FA32

**ED. SOFFUAN BIN YUSOF**  
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT / FA29

**MOHD HAPIZ BIN MOHD ARIFFIN**  
PENOLONG AKAUNTAN / W29

**MOHD FITRI BIN SUHAIMI**  
JURUTEKNIK KOMPUTER / FT19

**HAIRUL BIN ANWAR**  
JURUTEKNIK KOMPUTER / FT19

## **PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH (PLH)**

**MOHAMAD RASHID BIN JANTAN**  
PUSTAKAWAN / S41

**NOR ILYAH BINTI OTHMAN**  
PUSTAKAWAN / S41

**SHAZLEY BIN SAHIBUDDIN**  
PEMBANTU PUSTAKAWAN / S19

**SUZANA BINTI LAZIM**  
PEMBANTU PUSTAKAWAN / S19

**EIISAA BIN AHYED**  
PEMBANTU PUSTAKAWAN / S19

## **PENERBIT UNIVERSITI (PU)**

**SITI MUHAINI BINTI SHAARI**  
PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN / N29

**MOHD SYIHAM AKMAL BIN SABAH@SAABAN**  
PENOLONG PEGAWAI SENIREKA / B29



# UTeM

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



[www.utm.edu.my](http://www.utm.edu.my)

PENERBIT UTeM Press

Website : [www.utm.edu.my/penerbit](http://www.utm.edu.my/penerbit)

Books Online : [utembooks.utm.edu.my](http://utembooks.utm.edu.my)

Email : [penerbit@utm.edu.my](mailto:penerbit@utm.edu.my)